

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 20 - 26 JULAI 2023

www.selangorkini.my

PM umum Amirudin kekal Menteri Besar

Pengumuman itu berikutan prestasi cemerlang Selangor jika Pakatan Harapan menang pilihan raya negeri. Tinjauan juga menunjukkan 71 peratus responden Melayu berpuas hati atas prestasi keseluruhan barisan pimpinan beliau

MUKA 3

RM2.37 bilion untuk bantuan rakyat

Meski mencatat rizab tertinggi sejak 2008, Kerajaan Negeri berbelanja besar untuk pelbagai program kebajikan rakyat, kira-kira RM1 bilion lebih banyak berbanding pentadbiran sebelumnya

MUKA 5



Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu dalam program Sentuhan Agro Madani di Bagan Sekinchan, Sabak Bernam pada 18 Julai 2023. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

panca wara

Jangan main isu agama, kaum dan Raja

Sultan Selangor ingatkan kempen elak hal sensitif

9



Masjid, surau bukan pentas politik

Elak perpecahan umat serta budaya fitnah-memfitnah

11



Lebih 40 inisiatif bantu rakyat memerlukan

Iltizam Selangor Penyayang ringankan beban masyarakat

15





Bukan pertama kali PN biadab

SHAH ALAM - Penghinaan terhadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bukan kejadian pertama pemimpin Perikatan Nasional (PN) termasuk PAS biadab dan kurang ajar terhadap Raja-raja Melayu.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyifatkan perbuatan tersebut seolah-olah sebatikan dengan mereka lantaran ketiadaan hujah berasaskan angka dan fakta dalam kempen politik.

"Inilah DNA mereka. Kalau mereka tidak boleh lawan hujah berasaskan angka dan fakta, mereka akan hina fizikal lawan. Kemudian biadab dan celupar pada Raja-raja Melayu," katanya.

Yang di-Pertuan Agong berdukacita atas pengumuman Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu Datuk Seri Takiyuddin Hassan pada 29 Julai 2021 mengenai darurat.

Hairan sikap bisu pembangkang

SHAH ALAM - Pengerusi Pakatan Harapan Selangor hairan pemimpin Perikatan Nasional (PN) berdiam diri dengan kecelesapan dan kebiadaban Ketua Pengarah Pilihan Raya PN Datuk Seri Sanusi Mohd Nor.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata Pengerusi PN negeri Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dan Pesuruhjaya PAS Selangor Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi seolah-olah bersetuju dengan kenyataan itu.

"Tidak ada langsung permohonan maaf dari mereka walaupun sepentas semasa rakan mereka (Sanusi) daripada PN menyinggung Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

"Adakah mereka lebih gemar memper-tahankan kawan mereka dan sanggup membiarkan institusi diraja Selangor dijadikan bahan penghinaan?" katanya di Facebook pada 15 Julai.

Beliau menyifatkan perbuatan tersebut hipokrit lantaran mereka kononnya memperjuangkan hak orang Melayu tapi melanggar batas adab apabila tidak menghormati institusi Raja-raja Melayu.

"Sungguh mengecewakan dan menyedihkan," katanya.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas

Zahir penghargaan Dewan di-Raja

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor menzahir penghargaan kepada ahli Dewan di-Raja yang membuat laporan polis pada 14 Julai susulan kenyataan menteri besar Kedah.

Setiausaha sulit kepada Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkata Baginda juga amat berbesar hati atas sokongan ditunjukkan ahli dewan berkenaan serta semua pihak berkaitan.

"DYMM Tuanku juga amat berbesar hati atas sokongan yang ditunjukkan ahli-ahli Dewan di-Raja Selangor serta semua pihak yang berkaitan," kata Dato'

Mohamad Munir Bani dalam kenyataan di sini pada 17 Julai.

Kenyataan itu susulan Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor dalam satu ceramah, yang dianggap menghina dan mempertikai kewibawaan institusi diraja berhubung pemilihan jawatan Dato' Menteri Besar.

Terdahulu, Baginda yang menerima menghadap Ketua Polis Selangor Dato' Hussein Omar Khan bertitah kenyataan Muhammad Sanusi yang menghina institusi diraja Selangor "masih belum selesai."

Pada 16 Julai, Ketua Polis Negara

Tan Sri Razarudin Husain berkata siasatan terhadap perkara tersebut tidak terhenti meskipun Muhammad Sanusi dilaporkan memohon ampun kepada Sultan Selangor.

Wakil rakyat PAS itu juga sudah memberi keterangan kepada polis Bukit Aman pada 14 Julai, dengan mendakwa ucapannya sengaja diputar belit bagi menimbulkan salah faham.

Ketua pengarah pilihan raya Perikatan Nasional itu didakwa bawah Akta Hasutan 1948 di Mahkamah Sesyen Selayang, Gombak pada 18 Julai.

Patuhi titah Sultan Selangor

Masjid, surau bukan medan politik parti

Oleh **KHAIRUL AZRAN HUSSIN**

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) mengingatkan semua pengurusan rumah ibadah di negeri ini supaya mematuhi larangan menjadikan masjid dan surau sebagai medan politik kepartian.

Pengarahnya Dato' Mohd Shahzihan Ahmad berkata mereka perlu mempertingkatkan kawalan dan menguat kuasa ketetapan Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menjelang pilihan raya negeri (PRN).

Katanya, pemantauan mendapati ada pentadbir masjid dan surau mengambil

ringan hal itu dengan membenarkan penyebaran bahan penerbitan berunsur politik dan pemimpin parti berpolitik di situ.

Beliau dalam kenyataan pada 13 Julai menambah perbuatan pihak tertentu yang mengambil kesempatan menjelang proses PRN melanggar titah Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor.

"Perbuatan ini juga jelas melanggar ketetapan dibuat Mais bagi mengekalkan masjid dan surau sebagai zon aman selain bebas sebarang elemen dan pengaruh politik kepartian," katanya.

Mohd Shahzihan mengingatkan DYMM Sultan Selangor sejak 2018 lagi

bertitah supaya masjid dan surau menjadi tempat beribadat yang aman lagi sejahtera dan tidak dijadikan medan politik.

Menegaskan tegahan itu masih berkuat kuasa, beliau berkata Baginda kerap memberi peringatan tersebut kepada ahli politik serta pentadbir masjid dan surau dalam istiadat membabitkan mereka.

Mohd Shahzihan menambah pengurusan rumah ibadah yang menghinna, mengingkari dan mempertikai titah Baginda juga boleh dikenakan tindakan termasuk pelantikan mereka dibatalkan Mais.

Harap tidak ulang lagi isu 3R

PETALING JAYA - Dato' Menteri Besar berharap tiada lagi pihak memainkan isu sensitif kaum, agama dan institusi diraja (3R) sepanjang kempen pilihan raya negeri (PRN).

Dato' Seri Amirudin Shari berkata semua pihak harus lebih menekankan isu berdasarkan data dan fakta selain merancang pembangunan negara serta negeri.

"Ini sebagai peringatan dan kena

berhati-hati ketika berucap dan ini juga untuk diri saya. Sebenarnya langkakah kerajaan mengingatkan isu jangan menunggang 3R ini wajar.

"Akhirnya ia boleh memakan diri kalau kita salah mengeluarkan pandangan dan ia salah difahami masyarakat," katanya dalam program Suara Anak Muda #NIMASAKAMI di Live Art di sini pada 15 Julai.

Pada 11 Julai, menteri besar Kedah

didakwa mempersenda institusi diraja Selangor ketika memberi ceramah politik di Selayang.

Berdasarkan rakaman, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor menyedut: "Hebatnya Sultan Kedah ni, bukan koman-koman, sultan tara tu hampa bayang, tengok menteri besar (merujuk dirinya), sultan hebat macam tu takkan pilih menteri besar cokia macam Amir(udin)."

Angkara celupar kepada institusi raja

SHAH ALAM - Isu berkaitan Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor yang dihadapkan ke mahkamah atas dua tuduhan menghasut disebabkan keceluparannya terhadap institusi Raja-raja Melayu.

Setiausaha Politik Dato' Menteri Besar Juwairiya Zulkifli menegaskan kes ketua pengarah pilihan raya Perikatan Nasional itu tiada kaitan perdana men-

teri atau Dato' Menteri Besar.

"Kerana mulut badan binasa. Jangan seronok maki orang sana sini hinggakan kebijaksanaan Tuanku Sultan (Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor) diremeh dan direndah-rendahkan martabatnya.

"Cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar," kata penyandang Dewan Undangan Negeri Bukit Melawati di Twitter pada 18 Ju-

lai merujuk ucapan dalam ceramah di Gombak pada 11 Julai.

Pada 14 Julai, Dewan di-Raja Selangor membuat laporan polis terhadap Sanusi atas dakwaan menghina DYMM Sultan Selangor supaya polis membuat siasatan dan mengambil tindakan sewajarnya.

Sanusi kemudian dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Selayang di sini atas dua tuduhan menghasut pada 18 Julai.

The collage features several news snippets:

- Prestasi ekoran terbaik sejak...** (Achievements of the best since...)
- Dana pendidikan terbesar RM27 juta** (Largest education fund RM27 million)
- 200,000 orang terima bantuan RM100,000** (200,000 people receive RM100,000 aid)
- Tidak rukai rumah baru rendah, bina rumah lesen penaja** (Do not use new houses, build houses with sponsor license)

 A QR code is prominently displayed at the bottom left of the collage.



SUMBANGAN... Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin berkenan melancarkan wakaf Rumah KanWork di Universiti Putra Malaysia, Serdang pada 16 Julai. Foto FIKRI YUSOF

Selepas PRN 12 Ogos

Amirudin kekal terajui negeri

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SEKINCHAN - Dato' Seri Amirudin Shari kekal sebagai Dato' Menteri Besar jika Pakatan Harapan (HARAPAN) mempertahankan Selangor dalam pilihan raya negeri (PRN) pada bulan depan.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata keputusan itu berdasarkan prestasi cemerlang Pengerusi HARAPAN negeri itu membawa pelaburan ke Selangor sejak mentadbir negeri mulai 2018.

"Selangor catat kadar pertumbuhan ekonomi tertinggi pada suku pertama, jadi saya cadang kekalkan Amirudin sebagai MB.

"Ini pertama kali saya umumkan, tengok dia pun terkejut," katanya ketika berucap dalam program Sentuhan Agro Madani peringkat Selangor di sini pada 18 Julai.

Dalam reaksinya, Amirudin berterima kasih dan menghargai pengiktirafan berkenaan dan sedia bekerja keras untuk mencapai kemenangan bagi memastikan Selangor kekal di tangan HARAPAN.

Sementara itu, 71 peratus orang Melayu di Selangor berpuas hati dengan prestasi keseluruhan pemimpin HARAPAN yang diketuai Amirudin berdasarkan tinjauan firma penyelidikan Endeavour-MGC.

Tinjauan antara 12 Jun hingga 18 Jun

juga mendapati 68 peratus responden berpuas hati dengan pentadbiran Kerajaan Negeri bawah gabungan tersebut sejak 2018.

Amirudin juga mendapat sokongan majoriti responden untuk memimpin semula Selangor sebagai Dato' Menteri Besar selepas PRN pada 12 Ogos ini.

Beliau pilihan paling popular dengan 46 peratus responden berbanding hanya 6 peratus untuk Dato' Seri Azmin Ali, 4 peratus Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi dan 3 peratus Tan Sri Noh Omar.

Kira-kira 75 peratus responden menjangkakan HARAPAN akan memilih semula Amirudin sebagai Dato' Menteri Besar jika gabungan HARAPAN dan Barisan Nasional menang.

RM7.3 juta atasi banjir di Klang

KLANG - Kerajaan Negeri memperuntuk RM7.3 juta bagi membina kolam takungan di Taman Mutiara Bukit Raja di sini, untuk mengurangkan risiko banjir di kawasan sekitar.

EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam Ir Izham Hashim berkata projek seluas dua hektar itu bermula bulan ini dan dijangka siap dalam tempoh 24 bulan.

"Projek ini diharap mengurangkan risiko banjir yang berlarutan sejak tahun 2000. Keputusan ini dibuat selepas tinjauan saya ketika banjir besar lalu.

Memandangkan tiada kolam dapat menampung air, kita mengambil keputusan wajar untuk binanya.

"Insya-Allah, projek ini bukan sahaja memanfaatkan lebih 1,000 penduduk di Taman Mutiara Bukit Raja sebaliknya pihak dan pengguna lebuhraya juga turut terima faedah ini. Projek ini antara pelbagai usaha perancangan pengurusan banjir," katanya.

Terdahulu, beliau menyempurnakan simbolik pecah tanah bagi projek berkenaan di Lebuhraya Shapadu

bersebelahan Taman Mutiara Bukit Raja pada 17 Julai.

Ir Izham berkata kolam sedalam 1.7 meter itu mampu menampung air sehingga 7 kubik per saat (cumec) sebelum dilepaskan secara berperingkat bagi mengatasi isu banjir kilat.

Ujarnya kolam takungan itu penting susulan kedudukan lokasi yang rendah menyebabkan masalah 'banjir termenung' dan sebanyak empat pam air disediakan bagi mengatasi masalah berkenaan.

Sanusi ditahan hina Sultan Selangor

SHAH ALAM - Penahanan Ketua Pengarah Pilihan Raya Perikatan Nasional (PN) Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berikutan laporan polis yang dibuat Dewan di-Raja Selangor.

Aduan dibuat Dato' Emran Abdul Kadir, Tan Sri Dato' Setia Ambrin Buang, Dato' Setia Mohamad Adzib Mohd Isa, Tan Sri Dato' Setia Mohd Zawawi Salleh dan Dato' Setia Mohammed Khusrin Munawi.

Dewan di-Raja Selangor yang dipengerusikan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-haj dianggotai 23 ahli termasuk Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.

Menurut Emran, laporan itu dibuat di balai polis Seksyen 6 di sini berikutan ucapan Sanusi dalam ceramah anjuran PN pada 11 Julai sensitif kerana menyentuh institusi di-Raja Selangor.

Pada 19 Jun, DYMM Sultan Sharafuddin dalam Istiadat Pengisytiharan Pembubaran Dewan Negeri Selangor bertitah isu berkaitan agama, perkauman dan hal sensitif tidak dimainkan dalam kempen pilihan raya.

"Calon-calon dan penyokong mereka juga diingatkan agar tidak mencaci, menabur fitnah dan mengadu domba terhadap pihak lawan ketika berkempen bagi mengelakkan perpecahan dalam kalangan rakyat," titah Baginda lagi.

Berikut urutan peristiwa penting:

14 Julai: Ahli Dewan di-Raja Selangor buat laporan polis atas tindakan Sanusi menghina Sultan

17 Julai: Sultan Selangor bertitah kes 'masih belum selesai'

18 Julai: Sanusi ditahan kerana dakwaan menghina Sultan Selangor

9,227 penghantar terima RM500

SHAH ALAM - Seramai 9,227 pekerja p-panggilan mendapat manfaat Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) berjumlah RM500 sejak skim berkenaan dilancar pada 2021.

EXCO pembangunan generasi muda berkata jumlah penyertaan bakal meningkat berikutan hampir 2,000 lagi pekerja ekonomi sampingan (gig) mendapat bantuan sama dalam masa terdekat.

"Kita sasarkan 11,000 pekerja p-panggilan dibantu menerusi skim RiDE dalam tempoh dua tahun ini sebelum program dikembangkan kepada golongan e-panggilan.

"Usaha ini membuktikan Kerajaan Selangor cakna dan prihatin kepada semua pihak. Kita tidak mahu ada golongan yang tercicir dari menerima manfaat," kata Mohd Khairuddin Othman pada 17 Julai.

Tahun ini Kerajaan Negeri memperuntuk RM2 juta bagi membantu lebih 3,000 pekerja p-panggilan dengan setiap daripada mereka menerima wang tunai RM500 serta caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bernilai RM50.



Wujudkan 18,000 peluang kerja

SHAH ALAM - Selangor mewujudkan lebih 18,000 peluang kerja kepada orang ramai melalui pelaburan yang dibawa masuk ke negeri ini sejak lima tahun lepas.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata angka itu membuktikan kemampuan pentadbiran negeri menyediakan pekerjaan berkualiti dengan pendapatan baik.

"Rekod menunjukkan untuk tempoh lima tahun, kita berupaya cipta lebih 18,000 pekerjaan melibatkan lebih 1,100 (jenis) pekerjaan berdasarkan pelaburan yang masuk ke Selangor.

"Kita akan terus tawarkan kerja yang bagus dan pendapatan lebih baik kepada mereka (rakyat). Ini sememangnya mendorong rakyat luar negeri berhijrah ke Selangor," katanya pada 14 Julai.

Amirudin menambah Kerajaan Negeri terus memperkasa program latihan bagi melahirkan lebih ramai tenaga mahir khususnya dalam industri aeroangkasa dan pembuatan automotif.

Katanya, Kerajaan Negeri melalui Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC) juga bekerjasama dengan beberapa syarikat bagi meningkatkan kemahiran belia dalam sektor berkaitan.

Pemimpin akar umbi beri sokongan

SHAH ALAM - Ramai pemimpin peringkat akar umbi Barisan Nasional (BN) hadir program anjuran bersama Pakatan Harapan (HARAPAN) dan BN termasuk ceramah politik kebelakangan ini.

Pengerusi HARAPAN Negeri Dato' Seri Amirudin Shari percaya penyertaan mereka isyarat jelas gabungan tersebut mampu membentuk kerajaan selepas pilihan raya negeri pada 12 Ogos.

Beliau yang juga Dato' Menteri Besar berkata hubungan baik itu bukan sahaja di peringkat akar umbi politik, bahkan meliputi ketua komuniti, kawasan rukun tetangga dan pengerusi persatuan.

"Pada peringkat akar umbi, pemimpin kita (HARAPAN) boleh kerja bersama (BN). Kami ada hubungan baik, mereka berinteraksi serta berkomunikasi antara satu sama lain.

"Ia petanda baik walaupun ada orang yang mungkin tidak ambil tahu politik masih skeptikal bahawa kita (HARAPAN-BN) boleh jadi gabungan yang baik," katanya pada 14 Julai.

KDNK tinggi berkat urus tadbir cekap

KUALA SELANGOR - Kejayaan Selangor sebagai penyumbang terbesar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara tahun lalu dicapai hasil pentadbiran berintegriti pemimpin Pakatan Harapan (HARAPAN).

Penyandang Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Melawati berkata kekayaan negeri dikembalikan kepada rakyat hasil amalan tanpa tiris dan salah laku rasuah sepanjang tiga penggal pemerintahan HARAPAN.

"Tidak hanya segala hasil kekayaan



negeri disalurkan kepada rakyat, malah saban tahun rizab negeri meningkat dan hutang Kerajaan Negeri juga menunjukkan penurunan.

"Terkini, sumbangan KDNK pada kadar 25.5 peratus lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya," kata Juwairiya Zulkifli dalam Jelajah Madani peringkat DUN Bukit Melawati pada 12 Julai.

Beliau berkata keprihatinan terha-

dap nasib penduduk berpendapatan rendah turut diterjemah menerusi pelaksanaan lebih 40 program kebijakan menerusi Iltizam Selangor Penyayang (ISP).

"Sudah ada banyak program-program yang rakyat terima sehingga saat ini dan insya-Allah selepas pilihan raya ini, kita akan tambah baik lagi," katanya.

Bermula tujuh pakej bantuan bawah dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor, bilangan program kebijakan bertamabah kepada 44 inisiatif setakat Disember 2022 hasil urus tadbir yang cekap.

Rangkum semua sektor

Pelan tersusun lonjak ekonomi

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Selangor negeri yang memiliki pelan tindakan pembangunan dalam setiap sektor sekali gus mengukuhkan statusnya sebagai gerbang utama negara.

EXCO Pelaburan Dato' Teng Chang Khim berkata dasar yang mengandungi pelbagai inisiatif, program dan petunjuk prestasi utama (KPI) itu seiring matlamat untuk menjadi negeri maju.

"Saya rasa kita di Selangor, satu-satunya negeri yang ada pelan pembangunan yang jelas merangkumi pelbagai bidang atau sektor.

"Ia membantu kita lebih fokus kerana ada inisiatif, program dan KPI. Setiap orang tahu hala tuju dan ini men-

jadikan Selangor pusat ekonomi terpenting negara," katanya pada 11 Julai.

Beliau menambah peningkatan sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 25.5 peratus kepada negara pada tahun lalu membuktikan perancangan tersebut berhasil.

"Saya kini mampu tersenyum bangga untuk menyatakan Selangor berjaya menyumbang suku daripada kek ekonomi negara seperti yang dirancang.

"Sebelum ini saya hanya mampu cerita sumbangan KDNK Selangor hampir satu per empat tetapi sekarang saya boleh berbangga cerita kita sudah capai satu per empat," katanya.



Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, Selangor kekal penyumbang KDNK terbesar negara bagi 2022 iaitu 25.5 peratus, tertinggi dalam sejak 2008, berbanding 24.8 peratus tahun sebelumnya.

Pencapaian itu menyaksikan Selangor satu daripada empat negeri yang mencatat pertumbuhan melebihi paras nasional selain Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Pahang.

Sektor pembuatan menyumbang satu pertiga industri pembuatan, meningkat sembilan peratus manakala pembinaan melebihi satu pertiga di seluruh negara atau 34.1 peratus.

Elak perpaduan rosak, berpecah

KUALA SELANGOR - Pengundi diseru memberi sokongan kepada Pakatan Harapan (HARAPAN) dan Barisan Nasional (BN) bagi mengelakkan berpecahan dalam kalangan rakyat berlarutan.

Pengerusi HARAPAN Selangor Dato' Seri Amirudin Shari berkata dukungan itu penting bagi memastikan negeri

dan negara dapat diselamatkan daripada pihak tidak bertanggungjawab.

"Kalau kita bagi ruang (undi) kepada mereka, kita beri tapak untuk rosakkan perpaduan. Mereka hendak rosakkan Putrajaya yang bekerja keras setiap hari mahu pulihkan negara kita.

"Jadi, saya merayu kerjasama semua. Kita juga perlu kerja berpa-

sukan untuk cari titik persamaan. Insya-Allah kita boleh teruskan apa dah kita capai," katanya pada 12 Julai.

Berucap di pentas Jelajah Madani peringkat Dewan Undangan Negeri Permatang, Amirudin menuntut jentera HARAPAN dan BN untuk mempertahankan kerusi demi mengukuhkan pentadbiran sedia ada.

WAKTU SOLAT

20 - 26 JULAI 2023
2-8 MUHARAM 1445

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
20 Khamis	5:49	5:59	7:10	1:22	4:46	7:31	8:45
21 Jumaat	5:49	5:59	7:10	1:22	4:46	7:31	8:45
22 Sabtu	5:49	5:59	7:10	1:23	4:46	7:31	8:44
23 Ahad	5:49	5:59	7:10	1:23	4:46	7:31	8:44
24 Isnin	5:50	6:00	7:11	1:23	4:45	7:30	8:44
25 Selasa	5:50	6:00	7:11	1:23	4:45	7:30	8:44
26 Rabu	5:50	6:00	7:11	1:23	4:45	7:30	8:44

Klang dan Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
	5:50	6:00	7:11	1:23	4:47	7:31	8:45
	5:50	6:00	7:12	1:23	4:47	7:31	8:45
	5:50	6:00	7:12	1:23	4:46	7:31	8:44
	5:50	6:00	7:12	1:23	4:46	7:31	8:44
	5:51	6:01	7:12	1:23	4:46	7:30	8:44
	5:51	6:01	7:12	1:23	4:46	7:30	8:44
	5:51	6:01	7:12	1:23	4:46	7:30	8:44

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
	5:50	6:00	7:11	1:25	4:48	7:33	8:47
	5:50	6:00	7:12	1:25	4:48	7:33	8:47
	5:51	6:01	7:12	1:25	4:48	7:33	8:47
	5:51	6:01	7:12	1:25	4:48	7:33	8:47
	5:51	6:01	7:12	1:25	4:48	7:33	8:47
	5:51	6:01	7:12	1:25	4:48	7:33	8:46
	5:51	6:01	7:12	1:25	4:47	7:33	8:46



SEDIA... EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam Ir Izhah Hashim melihat pelan pembinaan kolam takungan ketika majlis pecah tanah Projek Membina Kolam Takungan di Taman Mutiara Bukit Raja, Klang pada 17 Julai. Foto FIKRI YUSOF

RM1 bilion lebih besar berbanding kerajaan terdahulu

RM2.37 bilion untuk kebajikan

OLEH NORZILAWATI SIDIK

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri pimpinan Dato' Seri Amirudin Shari berbelanja RM2.37 bilion untuk program kebajikan rakyat, kira-kira RM1 bilion lebih besar berbanding pentadbiran sebelumnya.

Menolak dakwaan kononnya pentadbirannya kurang berbelanja berikutan rizab tinggi, Dato' Menteri Besar itu menjelaskan cuma RM1.3 bilion diperuntukkan pemimpin sebelum beliau.

"Ini menunjukkan ada perbezaan RM1 bilion perbelanjaan yang telah digunakan oleh pentadbiran Pakatan Harapan (HARAPAN) dalam penggal yang ke-14 untuk kebaikan dan kese-

jahteraan rakyat.

"Kita bukan mengurangkan tapi menambah perbelanjaan (bantuan) untuk rakyat," katanya dalam rakaman pada 15 Julai sambil menjelaskan bilangan program kebajikan naik kepada 46 inisiatif.

Baru-baru ini, Pengerusi Perikatan Nasional (PN) Selangor Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menuduh pentadbiran Amirudin ada nilai rizab yang tinggi kerana mengurangkan bantuan rakyat.

Mengikut rekod, bekas Dato' Menteri Besar Tan Sri Khalid Ibrahim meninggalkan rizab RM3.20 bilion sebelum ia menjunam kepada 2.14 bilion ketika pengantingnya meninggalkan jawatan itu.

Pentadbiran Amirudin kemudian mencatat rizab RM3.29 bilion mengata-

si pencapaian terbaik Khalid. Pada masa sama, sumbangan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) 25.5 peratus, tertinggi sejak 2008.

Amirudin menambah perbelanjaan RM2.37 bilion itu tidak termasuk kos bagi membantu rakyat berdepan pandemik Covid-19 meliputi lima pakej rangsangan ekonomi lebih RM1 bilion.

Beliau yang juga pengerusi HARAPAN Selangor berkata lebih RM100 juta lagi dibelanjakan bagi menghulur pelbagai bantuan kepada mangsa banjir berikutan bah besar pada hujung 2021.

"Jadi, tidak benar kita tidak berbelanja. Isunya bagaimana berbelanja. Dengan berhemah, telus dan tiada ketirisan. Akhirnya rizab meningkat, perbelanjaan untuk rakyat bertambah," katanya.

Zulkarnain Oardin.

Amirudin yang juga Dato' Menteri Besar menjelaskan tiada pertembungan antara HARAPAN dan BN bagi setiap kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor demi memastikan kemenangan.

Beliau menambah pengundi juga tidak berdepan kekeliruan untuk membuat pilihan berikutan setiap DUN hanya ditandingi seorang calon HARAPAN atau BN.

Umum calon, manifesto akhir Julai

SHAH ALAM - Gabungan Pakatan Harapan (HARAPAN) dan Barisan Nasional (BN) Selangor dijangka membuat pengumuman senarai calon dan tawaran manifesto pada 25 atau 26 Julai.

Pengerusi HARAPAN Selangor berkata senarai calon kedua-dua gabungan itu masih dalam perbincangan dan diputuskan beberapa hari sebelum hari penamaan pada 29 Julai, lapor Bernama.

"Senarai calon belum muktamad.

Kita tunggu 25 atau 26 Julai nanti. Bi-asalah proses ini akan ada timbal balik, hitung dan kira semula," kata Dato' Seri Amirudin Shari lagi.

Bercakap selepas Pemukiman Jentera Pilihan Raya Perpaduan Selangor di sini pada 15 Julai, beliau menambah formula pemilihan calon dan pembahagian kerusi berasaskan faktor boleh menang.

Program berkenaan turut dihadiri Pengerusi BN Selangor Datuk Megat

Bina 40,000 rumah mampu milik

KUALA SELANGOR - Lebih 40,000 unit rumah mampu milik dibina di Selangor dalam tempoh lima tahun, tertinggi dalam pentadbiran negeri di Malaysia.

Timbalan menteri pembangunan kerajaan tempatan turut memuji keupayaan negeri berkenaan menggunakan kaedah sendiri untuk membina kediaman tanpa bantuan kerajaan persekutuan.

"Selangor paling komited, paling banyak bina rumah mampu milik iaitu Rumah Selangorku. Cipta produk sendiri demi mahu membantu rakyat negeri ini memiliki kediaman.

"Malah, Selangor juga menggunakan kaedah sendiri tanpa minta kaedah kerajaan persekutuan sepenuhnya untuk bina rumah mampu milik ini," kata Akmal Nasrullah Mohd Nasir pada 13 Julai.

KEADILAN letak calon muda

SHAH ALAM - Calon muda dan berupaya mencapai kemenangan bakal diketengah Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) Selangor dalam pilihan raya negeri (PRN) pada 12 Ogos.

Naib Presiden KEADILAN Dato' Seri Amirudin Shari berkata kriteria itu menjadi keutamaan untuk memastikan wakil rakyat terpilih dapat memberi perkhidmatan dan membawa kemajuan kepada negeri.

"Faktor paling penting pada calon boleh menang. Kalau calon baharu tetapi boleh menang pun kita letak. Parti juga konsisten letak calon muda, saya sendiri bertanding pada usia 28 tahun.

"Begitu juga kalau calon lama boleh menang, kita kekalkan. Akhirnya calon ada kelebihan boleh menang jadi ukuran utama untuk diletak sebagai calon," kata beliau pada 13 Julai.

Perluas jaringan pengangkutan

PETALING JAYA - Jaringan pengangkutan awam di negeri ini bakal diperluas hingga ke Sepang dan Sabak Bernam, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau menjelaskan pelan rancangan tersebut sebagai langkah menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam menjelang 2030.

"Kita hubungkan jajaran di Klang sehingga Kuala Selangor, Sabak Bernam, Sepang hingga ke Putra Heights atau Kuala Langat.

"Menjelang 2030, sasaran nisbah kenderaan awam dan peribadi 6:4. Nampak tidak logik, tapi kita boleh tingkatkan perkara ini," katanya pada 15 Julai.

Ketika ini, pembinaan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di utara Selangor sepanjang 90.72 kilometer merangkumi laluan bertingkat, aras tanah dan terowong.



Tesla buka pejabat di PJ, Sepang

SHAH ALAM - Syarikat kenderaan elektrik Tesla, Inc. (Tesla) milik usahawan terkenal dunia Elon Musk bakal membuka ibu pejabat, pusat servis dan pusat pengalaman di Selangor pada tahun ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pihaknya terutama pejabat daerah dan pihak berkuasa akan memudahkan cara dan menyelaraskan proses kemasukan pelaburan berkenaan.

Beliau percaya ia menggambarkan keyakinan pelabur terhadap pentadbiran Selangor seterusnya menggalakkan lebih banyak syarikat antarabangsa dalam bidang teknologi bateri untuk melabur.

"Lokasi yang dikenal pasti sebagai tapak adalah di Petaling serta Sepang," katanya dalam kenyataan media pada 14 Julai.

Amirudin percaya kemasukan tersebut meningkatkan minat generasi muda untuk mendalami bidang teknologi tinggi.

Kena berani teroka pasaran luar

SHAH ALAM - Usahawan perlu berani meneroka peluang baharu dan keluar dari zon selesa bagi mengembangkan perniagaan ke peringkat antarabangsa.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata mereka perlu pantas merebut peluang seiring perkembangan teknologi dan inovasi meski pelbagai inisiatif disediakan Kerajaan Negeri.

"Peniaga baharu perlu menyedari perniagaan pada masa kini berpacu persaingan mengikut perkembangan teknologi dan inovasi. Saya harap usahawan terokai potensi dan peluang.

"Peniaga perlu berfikir langkah meneroka pasaran antarabangsa terutama di rantau Asia Tenggara. Selangor menyediakan pelbagai program untuk usahawan," katanya pada 13 Julai.

Silat jadi aktiviti kokurikulum

SHAH ALAM - Silat merupakan seni bela diri yang perlu dijadikan aktiviti kokurikulum di sekolah demi menjaga warisan budaya Melayu.

EXCO Sukan Mohd Khairuddin Othman juga sedia menjadi pemudah cara dan berjumpa pihak tertentu termasuk Kementerian Pendidikan bagi merealisasikan perkara berkenaan.

"Ramai guru silat maklumkan minat untuk masuk (mengajar) di sekolah tetapi ada beberapa kekangan. Bagi saya, silat patut dijadikan aktiviti kokurikulum tapi ada sekolah tak benarkan.

"Jadi kita minta kementerian untuk bina perkara ini. Saya sedia jadi pemudah cara dan berbincang dengan menteri serta jabatan pendidikan negeri," katanya pada 16 Julai.

Laporan negeri di amirudinshari.com

SHAH ALAM - Orang ramai boleh membaca serta memuat turun laporan pentadbiran Kerajaan Selangor sepanjang lima tahun pentadbiran menerusi pautan amirudinshari.com

Dilancarkan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 13 Julai, kad laporan pencapaian dan kejayaan Kerajaan Negeri bermula 2018 hingga kini dipapar.

"Lima tahun Selangor makmur dan gemilang. Alhamdulillah, sukacita saya

melancarkan Kad Laporan Pencapaian dan Kejayaan Kerajaan Selangor bermula 2018 hingga 2023.

"Rakyat Selangor, media dan semua masyarakat dijemput memuat turun laporan berkenaan pentadbiran negeri sepanjang lima tahun ini," tulisnya di Twitter pada 13 Julai.

Laporan prestasi itu meliputi beberapa segmen antaranya ekonomi, kebajikan, sumbangan Selangor kepada Malaysia, menangani krisis kesihatan

dan bencana serta sumbangan anak syarikat.

Untuk segmen ekonomi, paparan merangkumi sumbangan negeri kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara, prestasi hasil dan belanjawan dari 2019 hingga 2023.

Turut terangkum ialah Iltizam Selangor Penyayang, usaha Selangor memerangi pandemik Covid-19, banjir besar pada Disember 2021 dan Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Mampu capai dua pertiga majoriti

HARAPAN yakin 33 kerusi selamat

Oleh **NAEEM RAFFI**

KUALA SELANGOR - Pakatan Harapan (HARAPAN) Selangor yakin menang sekurang-kurangnya 33 daripada 56 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam pilihan raya negeri (PRN) pada 12 Ogos.

Pengerusinya Dato' Seri Amirudin Shari berkata jumlah itu cukup untuk gabungan HARAPAN dan Barisan Nasional (BN) kembali membentuk kera-

jaan dengan selesa pada penggal akan datang.

"Kita ada 33 kerusi selamat dan boleh bentuk kerajaan dengan selesa. Itu tidak campur tujuh kerusi marginal. Kalau campur semua, kita boleh bentuk kemenangan dua pertiga," katanya.

Berucap dalam program Jelajah Madani peringkat DUN Bukit Melawati pada 12 Julai, Amirudin turut yakin HARAPAN dan BN mampu menang lebih 50 kerusi jika semua jentera bekerja keras.

"Kalau kita kerja keras sikit, insya-Al-

lah lebih 50 kerusi kita boleh menang, tidak mustahil. Saya yakin jentera kita terbaik," katanya lagi.

Beliau percaya sasaran tersebut bukan mustahil dicapai berikutan pihak lawan terus menerus menyentuh sensitiviti kaum, agama dan institusi diraja (3R) dalam ceramah politik mereka.

"Mereka (pembangkang) akan terus mainkan isu 3R, malah rekod mereka mentadbir mereka juga bukannya baik. Selangor akan kacau bilau di bawah (pentadbiran) mereka," tegas Amirudin.

Peluang pilih pemimpin terbaik

SHAH ALAM - Golongan muda diseru melunaskan tanggungjawab untuk membuang undi dalam pilihan raya negeri (PRN) bagi memastikan gabungan parti politik terbaik mencapai kemenangan.

Kakitangan swasta Muhammad Anuar Mastar, 27, mengajak pengundi muda atau pertama kali berbuat demikian supaya memilih kerajaan yang mementingkan kebajikan kepada rakyat.

"Generasi muda pandai menilai dan memilih siapa yang harus jadi pemimpin kerana ia beri kesan kepada

kebijakan dan masa depan rakyat," kata pengundi Dewan Undangan Negeri (DUN) Ijok itu.

Pandangan sama turut dikongsi penghantar makanan Sazali Zamani, 37, yang berharap golongan muda pintar memilih pemimpin yang mampu mengurus pentadbiran negeri dan membela nasib rakyat.

"Jadilah pengundi bijak. Pilihlah pemimpin yang benar-benar mampu menjalankan amanah dengan baik dan buat pilihan dengan rasional tanpa ikut perasaan," kata pengundi DUN Batang Kali itu.

Kakitangan swasta Farahana Adenan, 45, pula berharap pengundi muda tidak menganggap proses tersebut remeh atau rumit sebaliknya memanfaatkan peluang untuk menentukan nasib rakyat.

"Jalankan tanggungjawab sebagai rakyat. Mengundi penting untuk menentukan siapa pemimpin yang akan mewakili rakyat dengan cekap serta kerajaan mana yang akan mentadbir Selangor nanti.

"Golongan muda tidak boleh memandang ringan tanggungjawab mengundi kerana generasi merekalah yang akan mencorakkan hala tuju negara."

Sedia banyak program kebajikan

KUALA SELANGOR - Pelbagai program kebajikan diperkenalkan manakala sebahagian lagi ditambah baik sepanjang pentadbiran negeri dipimpin Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Ketua Wanita Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) Selangor Rozana Zainal Abidin yakin inisiatif untuk rakyat terus diperkasa jika Pakatan Harapan (HARAPAN) terus diberi mandat me-

nerajui negeri.

"Apabila HARAPAN ambil alih Selangor pada 2008, kita buat lapan program bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor. Kini ia bertambah kepada 46 bawah Iltizam Selangor Penyayang.

"Pelaksanaan itu boleh dibuat kerana urusan kewangan telus, berintegriti dan tiada rasuah," katanya dalam program Jelajah Madani peringkat Dewan Un-

dangan Negeri (DUN) Permatang pada 12 Julai.

Rozana yang juga penyandang kerusi DUN berkenaan menjelaskan Kerajaan Selangor sentiasa mengagih hasil negeri secara adil kepada semua penduduk tanpa meminggirkan mana-mana kaum.

Beliau turut menyeru pengundi mengekalkan kerajaan sedia ada dalam pilihan raya negeri pada 12 Ogos nanti.





WARISAN... Aksi pesilat sempena Himpunan Perpaduan Silat Melayu Se-Paya Jaras di padang awam Aman Putri, Sungai Buloh, Shah Alam pada 16 Julai. Foto REMY ARIFIN

Tampung kos sara hidup rakyat

Subsidi RM23 juta jualan murah

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor berbelanja hampir RM23 juta bagi meringkaskan kos sara hidup rakyat dengan menyediakan kemudahan untuk membeli barangan keperluan asas pada harga murah.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan subsidi itu membantu orang ramai membeli ayam, ikan, sayur dan barangan dapur pada harga lebih rendah dari pasaran.

"Inilah bukti kerajaan yang bertanggungjawab dan mempunyai visi untuk membantu rakyat. Pentadbiran ini sentiasa mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan penduduk," katanya.

Beliau menerusi Facebook pada 12 Julai turut menjelaskan perkembangan program jualan murah anjuran Kerajaan Negeri sebenarnya bermula sejak pelaksanaan Pasar Agro Selangor pada 2018.

Katanya, acara dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) itu bertujuan membantu petani menjual lambakan hasil manakala rakyat boleh membeli pada harga rendah.

Amirudin berkata Program Intervensi Ehsan yang diperkenalkan pada awal 2022 pula menyediakan jualan ayam, ikan,

sayur dan pelbagai barangan dapur pada harga lebih murah dari pasaran.

Beliau menerangkan inisiatif tersebut dikembangkan menjadi Jelajah Ehsan Rakyat (JER) yang lokasi dan kekeperluan jualan ditambah ke seluruh negeri dan digandakan menjelang musim perayaan.

"Tahun ini, Kerajaan Negeri bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

"Jelajah Ehsan Rahmah digerakkan bersama-sama agar dapat meliputi lebih banyak lokasi seluruh Selangor," katanya lagi.

JER menawarkan ayam RM10 sekor, daging pejal beku (RM10/pek), telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6/pek), minyak masak lima kg (RM25) dan beras lima kg (RM10).

Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) turut menjual minyak masak paket satu kg berperingkat pada harga serendah RM2 sebungkus di tiga lokasi terpilih bagi memenuhi permintaan pengunjung mulai 15 Julai.

Semak lokasi terkini JER seluruh negeri, setiap hari (kecuali Jumaat dan cuti umum) di Facebook PKPS atau mengimbas kod QR Jadual JER pada imej infografik PKPS atau pautan linktr.ee/myPKPS

Kios jana untung lebih RM13,000

SHAH ALAM - Penubuhan kios di laman pangsapuri kos rendah dan sederhana mencatat nilai jualan sekitar RM67,000 dengan keuntungan lebih RM13,000 sejak diperkenalkan tahun lalu.

Perkara berkenaan dimaklumkan Rodziah Ismail dalam perkongsian video di Facebook bagi memperinci pencapaiannya dalam melestari perumahan strata sepanjang menjadi EXCO negeri.

Pangsapuri terlibat antaranya Pangsapuri Kos Rendah Taman Dato Hormat (Sijangkang), Pangsapuri Kos Rendah (Blok C) & Sederhana Rendah (Blok A & B) (Pandamaran) dan Pangsapuri Ruvena Villa (Dengkil).

"Saya melahirkan rasa syukur kerana diberi peluang selaku EXCO perumahan dan kesejahteraan bandar sejak 2020 hingga 2023 untuk melaksanakan tanggungjawab ini sebaik mungkin," katanya.

Mobilisasi Ekonomi Komuniti Bandar Selangor (Mekar) pula program pemerkasaan ekonomi masyarakat yang menggerakkan penubuhan, pemilikan dan pengurusan kios melalui koperasi.

Program berkenaan juga memudahkan orang ramai untuk memperoleh barangan keperluan asas pada harga murah.

VILLA SRI MANJA

Rumah Teres 3 Tingkat

DEFINASI BARU KEHIDUPAN KOTA

Terletak di pinggir Lembah Klang di lokasi yang selesa, VILLA SRI MANJA menampilkan apa yang anda inginkan sebagai kawasan kejiranan yang maju sepenuhnya yang menggabungkan konsep kehidupan pintar.

7% diskaun Bumiputera
 Harga Bumiputera dari RM583,110.00 ke RM1,301,442.00 selepas diskaun

Hubungi Kami Di : **03-2142 9188**

Nombor Lesen Pemaju & Tempoh Sah : 4792/03-2026/0687(R)
 Nombor & Tempoh Sah Permit Pengiklanan & Penjualan : 4792-2/03-2024/1000(R)-(L)
 Nama Pemaju : **Susunan Baru Sdn.Bhd.** (0070325H). 4th Floor, Wisma Cheong Hin, No.116-118, Jalan Pudu, 55100 Kuala Lumpur. Tel : 03-2142 9188. Nama pemajuan rumah berangka 3 tingkat : **Villa Sri Manja.**
 Jenis Pemegang Tanah : Tempoh Pajak 99 tahun . Tarikh Luput : **19hb - 29hb June 2121**
 Gadaian Tanah : Tiada. Tarikh jangkaan siap : **September 2023** Harga jualan : RM 627,000.00 (min) - RM1,399,400.00 (maks),
 Diskaun Bumiputera 7%. Bilangan unit : 57
 Pihak berkuasa yang meluluskan pelan & nombor rujukan : Majlis Bandaraya Petaling Jaya
 MBPJ/120100/T/P10984/2020 . IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA
 Sekatan-sekatan kepentingan : Tanah ini tidak boleh dijual, dipajak, digadai atau dipindah milik dengan apa cara sekalipun melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan.



RM28 juta bantu JKM setiap tahun

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor mengagih RM28 juta setiap tahun kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi melancarkan operasi agensi itu dalam membantu golongan sasaran.

EXCO Kebajikan Masyarakat V Ganabati-rau berkata jumlah itu tambahan kepada dana kerajaan persekutuan meliputi bantuan bulanan RM350 selain bayaran gaji kakitangan negeri yang bertugas.

"Sejak beberapa tahun lepas, kita peruntuk kira-kira RM28 juta untuk bantu JKM. Kita negeri maju dan membangun serta menyediakan pelbagai inisiatif untuk penduduk,"katanya pada 11 Julai.

Sejak 2008, Kerajaan Negeri yang diterajui Pakatan Harapan menyediakan pelbagai program untuk membantu rakyat menerusi Iltizam Selangor Penyayang.

Puji kualiti beras jenama Ehsan

GOMBAK - Beras yang dibeli dalam program Jualan Ehsan Rahmah (JER) membantu peniaga sate menghasilkan nasi himpit yang enak hingga mendapat pujian pelanggan.

Lebih 10 kali berbelanja dalam program berkenaan, Sarina Jaini, 40, mengakui nasi himpit buatannya mendapat banyak permintaan sejak menggunakan beras jenama Ehsan.

"Syukur dapat beli barangan berkualiti dengan harga murah dan nasi himpit saya dapat pujian sekali gus bantu tingkatkan jualan.

"Terima kasih kerana anjur jualan seperti ini,"katanya ketika ditemui di Kampung Baru Kundang, Kuang pada 15 Julai sambil berharap penganjuran itu berterusan selepas pilihan raya negeri.

Permintaan tinggi, 50 kali anjur JER

GOMBAK - Lebih 50 kali program Jualan Ehsan Rahmah (JER) diadakan di sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Tua antara Januari hingga 11 Julai.

Bekas pengurus pusat khidmatnya Maimon Mismah berkata jualan murah barangan dapur seperti ayam, ikan, beras dan minyak masak kerap dijalankan berikutan permintaan tinggi penduduk setempat.

"Kita buat (anjur) lebih 50 kali bermula awal tahun ini. Walaupun Dewan Negeri Selangor telah dibubar, peranan tersebut diambil alih pula oleh (petugas) Parlimen Gombak.

"Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk terus santuni rakyat. JER antara pelbagai inisiatif yang dilaksanakan Selangor.

"Kita harap dapat teruskannya jika dipilih sekali lagi pada pilihan raya negeri,"katanya sempena program JER Parlimen Gombak di Kampung Nakhoda, Batu Caves.

Politik stabil Selangor gemilang

SHAH ALAM - Selangor mencatat sejarah gemilang berikutan sumbangan 25.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia pada 2022 melebihi satu perempat ekonomi negara.

Edisi 27 Julai-2 Ogos memperinci pencapaian terbaik negeri sejak 2008 itu yang termuat dalam Laporan Pencapaian dan Prestasi Kerajaan Negeri 2018-2023 hasil kestabilan politik Selangor.

Hasil kerja berpasukan, daripada barisan EXCO hingga penjawat awam, pelbagai kejayaan yang dikecapi me-



liputi antaranya aspek perumahan, prasarana, kebajikan dan pendigitalan.

Melalui usaha keras EXCO Perumahan dan Pembangunan Usahawan Rodziah Ismail, dasar kediaman mampu milik Rumah Selangorku 3.0 menyediakan tempat tinggal selesa dan selamat.

Selain itu, projek Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) yang dipimpin EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim

bakal menangani isu gangguan bekalan air kepada pengguna akibat pencemaran sungai.

Perancangan tersebut turut disertai kerja menambah baik operasi pemantauan bagi mencegah pencemaran sumber air mentah sekali gus mengurangkan risiko henti tugas loji rawatan air.

Bawah kelolaan EXCO Kerajaan Tempatan dan Pengangkutan Awam Ng Sze Han pula, pelaksanaan Smart Selangor Parking sejak tahun lalu mendapat sambutan 2.9 juta pengguna.

Pengecualian cukai taksiran dan fi lesen penaja membabitkan kesan kewangan RM546.6 juta selama lima tahun turut melegakan penduduk pangsapuri kos rendah, orang kampung dan peniaga.

Pengunjung nikmati jualan murah

Enggan kerajaan bertukar tangan

Oleh **AMIRUL FAZLI**

AMPANG JAYA - Teruja dapat berjimat ketika mengunjungi Jualan Ehsan Rahmah (JER), warga emas berazam untuk memastikan pentadbiran negeri sedia ada kekal selepas pilihan raya negeri (PRN).

Mengakui berbaloi berbelanja di situ, Thannlemy Muthen, 64, bimbang program jualan murah tersebut tidak diteruskan lagi jika kerajaan peringkat negeri bertukar tangan pada 12 Ogos.

"Barangan dapur dijual sangat murah berbanding pasaran luar. Sebab itu, saya azam turun mengundi bagi memastikan kerajaan sedia ada menang dalam PRN nanti,"katanya.

Thannlemy antara 300 pengunjung JER peringkat Parlimen Ampang ken-

dalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) di Taman Sri Ampang di sini pada 12 Julai.

JER bermula 2018 dengan nama Pasar Agro Selangor disusuli Program Intervensi Insan dan diikuti Jelajah Ehsan Rakyat mulai 2020. Dengan kerjasama persekutuan, JER dijenamakan sedemikian pada tahun ini.

Bagi suri rumah Mamy Su, 52, yang pertama kali mengunjungi jualan berkenaan turut berpuas hati dengan mutu barangan dan harga yang ditawarkan.

"Harga seperti ini membantu saya untuk membeli apatah lagi ketika ini perlu berjimat dalam berbelanja,"katanya.

Seorang lagi suri rumah Nurliza Mustafa Kamalr, 53, yang pertama

kali ke jualan murah berkenaan ada membuat perbandingan harga sebelum mengunjungi JER.

"Ternyata barangan di sini amat murah seperti ayam, telur dan beberapa barangan lain. Program ini juga baik kerana ia membantu golongan kurang berkemampuan untuk membeli,"katanya.

JER menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal beku (RM10/pek), telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6/pek), minyak masak lima kg (RM25) dan beras lima kg (RM10).

PKPS turut menjual minyak masak paket satu kg berperingkat pada harga serendah RM2 sebungkus di tiga lokasi terpilih bagi memenuhi permintaan pengunjung mulai 15 Julai.



Mahu jualan murah berterusan

SUBANG JAYA - Mutu barangan dan harga 30 peratus lebih murah berbanding pasaran mendorong orang ramai sentiasa ternanti-nanti Jualan Ehsan Rahmah (JER) di serata negeri.

Menyifatkan inisiatif tersebut berupaya meringankan beban golongan kurang berpendapatan rendah, penjawat awam Ahmad Dzamir Ahmad Pauzi, 39, berharap program itu terus kekal.

"Saya harap Kerajaan Negeri hari ini

kekal supaya program seperti ini terus dilaksanakan pada masa akan datang dengan pelbagai penambahbaikan.

"Saya berpuas hati dengan jualan murah ini, apatah lagi barang dijual pada harga mampu milik. Saya juga tidak perlu tunggu lama kerana ada sistem giliran disediakan,"katanya.

Suri rumah Cindy Ching, 45, pula sentiasa menyemak lokasi JER setiap minggu melalui Facebook Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)

supaya tidak terlepas mengunjungi program itu.

"Ini kali ketiga saya datang, kali pertama saya teruja sebab tidak sangka dapat beli barang bermutu dengan harga murah, jadi sejak itu saya tidak mahu terlepas peluang.

"Setiap kali datang, saya beli ayam, ikan dan telur yang saiznya besar dan dijual RM10 sepapan,"katanya dalam JER di Bandar Bukit Puchong pada 15 Julai.



Oleh NADIAH ZAMLUS
Foto HAFIZ OTHMAN

Jangan sentuh isu sensitif

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj mengingatkan calon pilihan raya dan penyokong tidak memainkan isu agama dan kaum pada kempen pilihan raya negeri (PRN).

Baginda bertitah ketika Istiadat Pembubaran Dewan Negeri Selangor di Istana Alam Shah, Klang pada 19 Jun lalu.

“Beta ingin berpesan kepada calon-calon pilihan raya yang bakal diadakan nanti, serta penyokong-penyokong mereka agar dapat menjalankan kempen pilihan raya dengan cara yang berhemah dan bertanggungjawab dengan mematuhi undang-undang pilihanraya yang sedia ada serta undang-undang lain yang berkaitan.

“Beta juga menegaskan agar calon-calon dan penyokong mereka tidak memainkan isu-isu yang berkaitan dengan agama dan membangkitkan isu-isu perkauman serta juga isu-isu sensitif lain yang boleh merosakkan keharmonian dan perpaduan dalam kalangan rakyat khususnya di negeri Selangor ini.

“Calon-calon dan penyokong mereka juga diingatkan agar tidak mencaci, menabur fitnah dan mengadu domba terhadap pihak lawan ketika berkempen bagi mengelakkan perpecahan dalam kalangan rakyat negeri Selangor yang berbilang bangsa ini,” titah Baginda.

DYMM Sultan Selangor amat peka dengan perkembangan politik negara. Kecaknaan Baginda tercermin dalam titah mengenai pemimpin khianat, menipu dan menyalah guna kuasa untuk mengumpul kekayaan diri boleh menjahanamkan negara.

Titah dimuat naik Facebook Selangor Royal Office mengulas khutbah Jumaat pada 21 Oktober 2022, yang mengingatkan pemimpin hanya mahukan kuasa dan mencari kekayaan dunia bakal menjadi perosak dan pengkhianat kepada rakyat dan negara.

Ribuan hantaran sentuh perkauman

Kegusaran Baginda bertepatan dengan kajian Pemantauan Media Sosial Pada PRU15 yang mendapati hantaran berkait perkauman, agama dan institusi diraja menguasai platform media sosial ketika pilihan raya umum ke-15 (PRU15).

Kajian itu dilaksana Pusat Kewartawanan Bebas (CIJ) dengan kerjasama Universiti Nottingham Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah dari 20 Oktober hingga 26 November tahun lalu.

Ia membabitkan 49 ahli politik pelbagai parti, 13 parti politik, 16 organisasi media, tiga agensi



kerajaan dan 16 pemimpin pendapat.

Ahli politik dikesan pelaku utama menyumbang naratif kaum dalam 66,933 hantaran menerusi Facebook, Twitter, YouTube dan TikTok.

Isu agama mencecah 24,484 hantaran dan institusi diraja ialah 14,320.

Antaranya hantaran dimuat naik seorang pemimpin kanan PAS memainkan sentimen komunis dan ateis terhadap DAP, menarik ribuan komen berbau perkauman.

Malah, seorang lagi pemimpin kanan parti itu didakwa di mahkamah pada 18 Julai kerana menyampaikan ucapan kempen politik mempertikai keputusan DYMM Sultan Selangor dalam pelantikan Dato’ Menteri Besar.

“Daripada semua isu dipantau, hantaran mengandungi isu kaum paling banyak pada tahap parah tinggi,” menurut kajian itu.

Kajian berkenaan mentakrifkan tahap parah sebagai perkembangan pertuturan tidak bertolak ansur, diskriminasi dan tidak berperikemanusiaan, selain menghasut keganasan dan kecederaan terhadap tubuh badan.

Kajian berkenaan turut mengulas hantaran kebencian di media sosial berhubung isu warga asing dan orientasi seks.

Titah DYMM Sultan Selangor mengenai politik

kebencian mendapat reaksi orang ramai pada 7 Julai:

Jangan campur agama dan politik. Memang politik itu hak masing-masing tapi bila cakap kena berpada-pada. Kalau boleh pilihan raya ini berhati-hati lontar pandangan.

Hanani Salleh, 56



Kalau boleh elakkan perdebatan, tak perlu provokasi. Bergaduh hal tak ada kena mengena seperti isu kaum memang sangat remeh. Tak bagus rakyat tengok.

Muhammad Afiq Zulkafali, 29

Isu agama memang patut dari dulu tak boleh usik. Titah Tuanku itu mengingatkan, sebab tugas Baginda juga menjaga kesucian agama Islam.

Azura Sharin, 52



Ahli politik suka cakap isu kaum atau agama sebab benda ‘panas’. Rakyat kena bijak, tengok mana yang jaga rakyat. Jangan mudah terpedaya.

Mazli Zanzilah, 53

Isu perkauman melampau menambah ketegangan kaum. Isu agama lebih teruk, apalagi ke arah takfiri dan pandangan melampau yang tidak mengikut Islam sebenar. Kalau dibiarkan, jurang kaum akan lebih luas.

Nik Pa Nik Leh, 70



ISU	Tahap 1 Selisih faham / tidak sungguh perasaan	Tahap 2 Singgung perasaan / diskriminasi	Tahap 3 Tidak berperikemanusiaan / bermusuhan	Tahap 4 Hasutan / seruan keganasan	JUMLAH
Kaum	54,287	12,054	47	5	66,933
Agama	21,158	3,315	8	3	24,484
Institusi diraja	13,375	922	23	0	14,320
KESELURUHAN	89,360	16,291	78	8	105,737

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**
Foto **FIKRI YUSOF**

Menjulang syiar Islam

Kerajaan Negeri giat memperkasa Islam dengan dana kira-kira RM2 bilion antara 2018 hingga 2023.

Pelbagai insentif, elaun, bantuan khas serta caruman melibatkan jutaan ringgit disalurkan kepada sektor pendidikan dan institusi dakwah termasuk sekolah agama, masjid dan surau.

Ribuan pelajar agama, pendidik, kakitangan serta penggerak masjid menikmati kekayaan negeri hasil keberkatan kepemimpinan diketuai Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Sempena sambutan Maal Hijrah, Selangorkini memaparkan peruntukan itu, termasuk RM583 juta daripada Belanjawan 2023, yang disalurkan dalam tempoh tersebut:-

- RM105 juta setahun untuk pengurusan dan selenggara sekolah agama, masjid dan surau antara 2019 hingga 2022
- RM185 juta untuk bina dan baik pulih 78 masjid dan 75 surau antara 2019 hingga 2022
- RM20 juta atau RM4 juta setahun untuk urus masjid dan surau sejak 2018 hingga 2022
- RM4.8 juta dalam Belanjawan 2023 lulus naik elaun 2,825 guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa), Kafa Integrasi (Kafa-i) dan sekolah kepada RM1,500
- RM13.4 juta insentif khas Aidilfitri kepada 34,339 penggerak masjid – nazir, imam, bilal hingga siak – antara 2019 hingga 2023

Berpuas hati dengan dana ini, pemimpin masjid memuji usaha Kerajaan Negeri memperkasa Islam dalam reaksi mereka pada 13 dan 14 Julai.

“Sangat bagus usaha Kerajaan Negeri. Dahulu elaun guru Kafa rendah. Elaun untuk imam masjid, bilal, tak seberapa. Tetapi semakin lama mendapat perhatian. Elaun Kafa dinaikkan kepada RM1,500. Alhamdulillah imam masjid, siak (juga) dapat peruntukan. Saya berharap ia berterusan. (Dana) makin lama makin naik untuk menjaga kebajikan dan agama.”



Mohd Nor Muazam Sehat, 35,
imam Masjid Al-Ikhlash Seksyen 13, Shah Alam



“Bagus langkah Kerajaan Negeri memperkasa syiar Islam di Selangor. Satu langkah yang terpuji dan perlu dialu-alukan. Saya berharap peruntukan diberikan berterusan setiap tahun dan bukan sekadar 'one-off'. Kalau boleh dipertingkatkan lagi setiap tahun.”




Ahmad Pauzi Mhd Nor, 64,
nazir Masjid Al-Hidayah Seksyen 18, Shah Alam

“Ia langkah yang cukup bagus. Dalam meningkatkan syiar Islam, Kerajaan Negeri banyak melakukan perubahan, termasuk kerjasama erat (masjid) dengan ahli politik DUN dan ahli parlimen. Mereka dilihat turun padang. Sumbangan yang diberikan nampak telus dan perlu dipertingkatkan kepada masjid dan surau seiring dengan perubahan (prestasi) ekonomi negeri yang tinggi.”



Mohamad Amiruddin Sarmany, 50,
nazir Masjid Ubudiyah Seksyen 19, Shah Alam

DANA UNTUK SEKOLAH AGAMA, MASJID & SURAU (RM)



BANTUAN SEKOLAH RENDAH AGAMA SELANGOR

	2018	2019	2020	2021	2022
Pengurusan	RM96.2 juta	RM96.5 juta	RM96.6 juta	RM98.7 juta	RM98.4 juta
Penyelenggaraan	RM4 juta	RM1 juta	RM1 juta	RM3.49 juta	RM4.9 juta

DANA SELenggara MASJID & SURAU

	2018	2019	2020	2021	2022
Masjid	RM5 juta	RM2 juta	RM2 juta	RM3 juta	RM4.5 juta
Surau	RM500,000	RM400,000	RM500,000	RM500,000	RM500,000

Titah bebaskan masjid dari unsur politik

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**
Foto **AHMAD ZAKKI JILAN**

Menjunjung titah Sultan Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) memantau kegiatan politik di masjid dan surau khususnya menjelang pilihan raya negeri (PRN) yang bermula 29 Julai ini.

Pengarahnya Dato' Mohd Shahzihan Ahmad mengingatkan pentadbir pusat ibadah itu agar memantau dan menguatkuasakan larangan supaya ia tidak dijadikan medan berpolitik dan pusat propaganda kepartian.

Jabatan itu mendapati pentadbir masih mengambil ringan dengan membiarkan tokoh-tokoh politik menggunakan masjid atau surau untuk tujuan politik menjelang pilihan raya, selain penyebaran bahan berunsur politik.

"(Tindakan) ini suatu perbuatan yang jelas telah melanggar ketetapan yang dibuat oleh Majlis Agama Islam Selangor (Mais) bagi mengekalkan masjid atau surau sebagai zon aman dan bebas daripada sebarang elemen dan pengaruh politik kepartian," katanya dalam kenyataan pada 13 Julai.

Mohd Shahzihan menegaskan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj telah bertitah sejak 2018 lagi agar masjid dan surau menjadi tempat ibadat yang sejahtera dan tidak dipolitikkan.

"Baginda juga sentiasa mengingatkan kepada semua pihak termasuklah kepada pentadbir masjid atau surau ketika Istiadat Penyampaian Watikah Nazir dan Imam Masjid Seluruh Negeri Selangor pada 2 Mac 2023 di Istana Alam Shah, Klang," katanya lagi.

Selain itu, kata pengarah Jais, Baginda telah bertitah kepada semua ahli politik berhubung perkara yang sama ketika Istiadat Pembukaan Persidangan Dewan Negeri Selangor pada 13 Mac (lihat titah Sultan Selangor: **Bukan medan propaganda parti**).

"Sebarang tindakan yang bersifat menghina atau mengingkari, melanggar atau mempertikaikan titah DYMM Sultan Selangor atau arahan Mais, boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 12 (a) atau (b) Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995," katanya.

"Pegawai masjid juga boleh dalam masa yang sama dibatalkan pelantikannya oleh Mais berdasarkan Peraturan 7 (f), Peraturan-Peraturan Masjid dan Surau (Negeri Selangor) 2017."

Dalam wawancara dengan Selangorkini pada 23 Jun, Mohd Shahzihan menegaskan pentingnya masjid dan surau dijadikan tempat perpaduan

Bukan medan propaganda parti



Di dewan ini Beta mengambil kesempatan secara peribadi ingin mengingatkan semula kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat agar tidak menjadikan masjid dan surau sebagai medan dan propaganda politik kepartian.

Beta telah beberapa kali bertitah dan mengingatkan Mais dan Jais agar memastikan masjid dan surau bebas dari segala unsur-unsur politik yang boleh memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian umat Islam.

Masjid dan surau tidak seharusnya menjadi punca kepada perbalahan dan sengketa yang akhirnya membina jurang pemisah di kalangan umat Islam atas dasar perbezaan fahaman politik dan dendam politik yang tiada kesudahannya.

Pecah belah

Ini berlaku lantaran terdapat penceramah-penceramah tertentu ketika memberi ceramah di masjid dan surau telah mengambil kesempatan untuk menyindir, menghina, mencaci malah memfitnah pihak-pihak dan golongan tertentu atas sebab perbezaan fahaman politik.

Beta amat bimbang budaya sebegini jika tidak dibendung akan terus memecah belahkan umat Islam khususnya orang Melayu.

Melihat kepada kesan dan implikasi

umat Islam dan jauh daripada persengketaan termasuk politik kepartian.

"Dalam khutbah Jumaat kedua, kita minta kepada Allah jadikan masjid dan surau ini

buruk ini, Beta telah menitahkan bahawa hanya mereka yang berkelayakan dan mempunyai tauliah dari Jawatankuasa tauliah Mais sahaja yang dibenarkan untuk memberi ceramah, kuliah, tazkirah atau pengajian di masjid, surau atau di mana-mana tempat di negeri Selangor ini.

Fitnah

Sekali lagi Beta menegaskan bahawa hanya mereka yang benar-benar mahir dan mempunyai pengetahuan yang luas mengenai agama Islam sahaja yang layak untuk diberikan Tauliah untuk mengajar bagi mengelakkan anasir ajaran sesat serta budaya fitnah-memfitnah dari berlaku.


Menjelang PRN di Negeri Selangor pada tahun 2023 ini, Beta ingin mengingatkan Mais secara berterusan mengeluarkan arahan dari semasa ke semasa agar umat Islam khususnya orang-orang politik tidak menjadikan masjid dan surau di negeri Selangor sebagai pentas untuk mereka berceramah dan berkempen.

Beta menyeru untuk semua pihak yang mengambil bahagian di dalam pilihan raya nanti agar mematuhi peraturan sedia ada dan saling hormat-menghormati satu sama lain. Ingatlah, tingkah laku orang-orang politik semasa tempoh kempen akan disaksikan dan dinilai oleh rakyat sebelum mereka membuat pemilihan.

tempat yang menyatukan ummah. Saya masuk (Jais), saya ubah (masukkan perkara itu dalam) khutbah itu," jelasnya, yang memimpin jabatan itu mulai September 2019.



Anwar bersama Amirudin meneliti kitab diterima daripada Syeikh Dr Ali Jum'ah (kanan) sambil diperhati AL-Habib Umar Hafidz ketika Festival Turath Islami Selangor di Shah Alam pada 25 Mei 2023



Pengunjung melihat model Rumah Idaman Melur dan program penanaman pokok @ Jelajah Selangor Penyayang di Kita@Cybersouth, Sepang pada 29 Oktober 2022



Dato' Menteri Besar melihat reka bentuk Kompleks Sukan Shah Alam sempena pameran awam pembangunan semula di pusat beli-belah SACC, Shah Alam pada 10 Februari 2023



Amirudin meninjau tapak pembinaan Projek Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) selepas majlis perasmian di Kampung Sungai Darah, Kuala Selangor pada 18 Mei 2023



Petugas menyemak butiran mangsa banjir di Klang yang menerima Bantuan Selangor Bangkit berjumlah RM1,000 seisi rumah di Kemuning Utama, Shah Alam pada 22 Februari 2022



Dato' Menteri Besar melancarkan Siri Warisan Islami Selangor dan buku Imam al-Ghazali: Hayat dan Jasa Ilmuwan Ulung ketika pesta buku Kuala Lumpur di Pusat Dagangan Dunia pada 28 Mei 2023



Mohd Zawawi melawat gerai pameran selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Halal Selangor (Selhac) di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), Shah Alam pada 5 Mac 2022



Penduduk tidak melepaskan peluang mendapatkan barangan asas pada harga murah ketika program Jualan Mega Ehsan Rahmah Aidiladha Parlimen Sepang di Pantai Batu Laut, Kuala Langat pada 24 Jun 2023

Negeri ihsan

ISLAM menganjurkan umatnya berpegang teguh pada agama, membantu sesama insan dan memakmurkan bumi. Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri yang memimpin Kerajaan Perpaduan sentiasa dekat dengan program agama. Beliau menganjurkan pelbagai program Islam di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya sejak November lalu. Sempena Maal Hijrah, yang jatuh pada 19 Julai, Selangorkini memaparkan kegiatan Kerajaan Negeri membawa manfaat besar kepada umat Islam. Diketuai Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, Selangor berbelanja besar untuk kemajuan Islam, kehidupan rakyat dan bantuan segera ketika bencana. Beliau dibantu, antaranya, EXCO Pertanian Ir Izham Hashim, EXCO Industri Halal Mohd Zawawi Ahmad Mughni dan EXCO Warisan Borhan Aman Shah. Jurufoto HAFIZ OTHMAN, NUR ADIBAH AHMAD IZAM, AHMAD ZAKKI JILAN, FIKRI YUSOF, REMY ARIFIN, NAZIR KHAIRI dan RADIN WAZIR merakam sebahagian program Kerajaan Negeri dari 2021 hingga tahun ini. Keterangan disediakan oleh HAFIZAN TAIB.



Dato' Menteri Besar berbual dengan murid SK Gombak Setia, Gombak pada 1 Mac 2021 ketika menyerahkan kit penjagaan diri yang mengandungi pelitup muka dan cecair pembasmian kuman



Amirudin bersama penduduk yang menerima suntikan dalam program Vaksin Selangor (Selvax) Komuniti di Dewan MPAJ AUS Keramat, Ampang Jaya pada 1 Ogos 2021



Borhan mencanting dan mewarna batik Selangor bermotifkan bunga tanjung di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam pada 2 Jun 2022. Bilangan kelopak bunga rasmi negeri ini lambang sembilan daerah



Peserta memberi tumpuan sepenuhnya ketika kejohanan Kemahiran e-Sukan Robotik Selangor XTIV di pasar raya Econsave Paya Jaras, Shah Alam pada 15 Julai 2023



Sukarelawan Pusat Wanita Berdaya menyusun barangan untuk diserahkan kepada penerima Program Bantuan Susu dan Lampin di Kampung Sri Aman, Puchong pada 15 Disember 2021



Ir Izham memotong buah di Tapak Melon Selangor, Sungai Besar pada 14 Januari 2023. Projek pertanian ini sebahagian Pembangunan Kawasan Sabak Bernam (SABDA)



Dato' Menteri Besar bersama penerima bantuan masuk sekolah ahli Tabung Warisan Anak Selangor bagi sesi baharu persekolahan di Dewan Rakyat Batu Caves, Gombak pada 29 Januari 2023

Sedia awal hadapi bah

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**
Foto **REMY ARIFIN**

Kerajaan Selangor membuat persiapan awal sejak September 2021 untuk berdepan banjir, namun tidak menjangka bah luar biasa melanda pada 18 Disember 2021.

Bermula mesyuarat penyelarasan, pemberitahuan amaran banjir, persediaan pusat pemindahan sementara dan penyediaan keperluan asas, semuanya sudah diatur.

Tiada ramalan luar biasa, hujan lebat berterusan beberapa hari mengundang bencana itu. Curahan air direkod sehingga 380 milimeter (mm), melebihi purata taburan hujan sebulan.

Ia diakui Perdana Menteri ketika itu Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada sidang khas Parlimen 20 Januari 2022. Secara tidak langsung, menepis tohmahan Kerajaan Negeri gagal bersiap siaga.

“Pada masa sama, kejadian air pasang menyebabkan banjir ini bertambah lebih buruk.

“Kejadian banjir berlaku ini melebihi kemampuan jentera tindak balas Jabatan Pengurusan Bencana Negeri Selangor.

“Selangor juga jarang berdepan dengan banjir besar luar biasa seperti kali ini... impak taburan hujan yang tinggi ini, sangat tidak diduga semua pihak,” kata beliau.


Menyedari keadaan semakin memburuk apabila hujan lebat tidak berhenti sejak 17 Disember, Dato Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pantas menggerakkan dan mengaktifkan operasi menyelamatkan 24 jam bermula 18 Disember.

Beliau juga memohon bantuan kerajaan persekutuan serta turun padang memantau pusat pemindahan sementara (PPS) di Padang Jawa, Shah Alam selepas gagal ke kawasan lain akibat hubungan jalan raya terputus.

Tiga hari kemudian, beliau mengumumkan pakej Bantuan Selangor Bangkit (BSB) sebanyak RM100 juta bagi fasa pembersihan dan pemulihan pasca banjir, iaitu:-

- RM20 juta pembersihan, RM80 juta pembinaan prasarana
- RM1,000 bagi setiap keluarga mangsa banjir
- RM10,000 bagi waris mangsa yang meninggal dunia
- bil air selama sebulan dikecuali kepada mangsa bah
- penangguhan bayaran balik peniaga kecil selama dua bulan
- tubuh Tabung Ikhtiar Selangor Bangkit

Laporan Pencapaian dan Prestasi Kerajaan Negeri Selangor 2018 – 2023, merekodkan 115,852 isi rumah dibantu Kerajaan Negeri sehingga 7 Mac 2022.



Setakat 14 Mac 2022, RM132.628 juta dana BSB disalurkan kepada mangsa melalui Pejabat Tanah dan Galian. Ia termasuk waris 14 mangsa korban yang layak menerima RM140,000.

Klang dan Petaling antara sembilan daerah di Selangor mencatatkan agihan bantuan Selangor Bangkit teramai berbanding kawasan lain. Klang merekod 60,425 penerima termasuk enam waris mangsa terkorban dengan nilai RM60.48 juta.

Ia disusuli Petaling membabitkan 22,001 penerima dan seorang waris mangsa korban menerima RM22.011 juta.

Kuala Langat mencatat penerima ketiga teramai dengan 11,570 orang termasuk seorang waris meninggal dunia melibatkan sumbangan RM11.58 juta.

Jumlah mangsa banjir dari daerah Gombak, Sabak Bernam dan Hulu Selangor adalah paling rendah dan tiada kematian direkodkan.

Perincian berhubung usaha membantu mangsa bah besar pada Disember 2021 boleh didapati dalam Laporan Pencapaian dan Prestasi Kerajaan Negeri Selangor 2018-2023. Laporan itu boleh dimuat turun di laman sesawang amirudinhari.com

Iltizam sayang rakyat

Oleh NAZLI IBRAHIM

Sejak Julai 2022, Kerajaan Negeri menyusun 47 program bawah Iltizam Selangor Penyayang (ISP). Selain untuk semua warga Selangor, ISP menumpukan usaha meringankan beban kumpulan pendapatan rendah (B40) negeri ini.

Dibahagikan enam sektor, Iltizam Pemberdayaan Rakyat Selangor mempunyai 12 inisiatif, Iltizam Kesihatan Selangor (11 inisiatif), Iltizam Pendidikan Selangor (8 inisiatif), Iltizam Perumahan Selangor (7 inisiatif), Iltizam Keusahawanan Selangor (4 inisiatif) dan Iltizam Mesra Anak Selangor (5 inisiatif).

Maklumat lanjut 47 inisiatif ISP boleh dirujuk dalam Laporan Pencapaian & Prestasi Kerajaan Negeri Selangor 2018-2023 di laman sesawang amirudinshari.com

Berikut jumlah penerima manfaat inisiatif ISP dalam lima tahun ini mengikut kesihatan, perumahan, kos sara hidup dan kebajikan, belia dan pelajar, usahawan dan wanita dan keluarga.

KOS SARA HIDUP DAN KEBAJIKAN



Bas Smart Selangor

PERKHIDMATAN bas percuma merekod 51,281,596 penumpang

Jualan Ehsan Rakyat

JUALAN keperluan asas pada harga lebih rendah daripada harga pasaran memanfaatkan lapan juta orang

Pengecualian cukai pintu

SEBANYAK 2,536,869 rumah kos rendah dan kampung dapat pengecualian cukai taksiran

Skim Air Darul Ehsan (SADE)

AIR percuma 20 meter padu setiap bulan kepada 1,158,854 kediaman

Pengecualian fi lesen penaja

PENGECCUALIAN fi lesen 495,999 penaja dan peniaga kecil

Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dan Skim Mesra Insan Istimewa (SMIS)

SERAMAI 417,003 warga emas dan 24,877 orang kelainan upaya (OKU) mendaftar

Jom Shopping Perayaan

SERAMAI 395,489 golongan B40 menerima manfaat baucar RM200 sempena perayaan.

Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS)

139,150 isi rumah pendapatan kurang RM3,000 menerima manfaat RM300 setiap bulan

Roda Darul Ehsan (RiDE)

SERAMAI 6,227 belia terlibat industri e-panggilan dapat subsidi lesen motor

Dana Bantuan Guaman Selangor

SERAMAI 31 orang dapat guaman percuma dengan subsidi RM1,500 oleh Kerajaan Negeri

Pusat Kehidupan Berdikari (ILC)

PUSAT latihan pekerjaan dan pemberdayaan golongan OKU sasaran untuk membolehkan mereka berdikari

BELIA DAN PELAJAR



Program Tuisyen Rakyat Selangor

MEMBANTU 166,853 calon Sijil Pelajaran Malaysia dan murid tahun enam menerusi pembelajaran dalam talian

Iltizam Pendidikan Fardhu Ain

MEMANFAAT 38,632 murid keluarga B40 di 296 KAFAI seluruh Selangor dengan subsidi yuran RM30 sebulan

Iltizam Mahasiswa Selangor

SERAMAI 18,350 anak Selangor menerima manfaat bantuan RM1,000 di institusi pengajian tinggi awam dan swasta bagi diploma dan sarjana muda

Peduli Siswa

SERAMAI 3,987 anak Selangor menikmati pembiayaan pendidikan peringkat Sijil/Diploma/Sarjana Muda di institusi pengajian tinggi awam dan swasta dalam negara

Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor

SEBANYAK 3,981 sekolah di Selangor menerima bantuan kewangan pembangunan dan baik pulih infrastruktur

Bantuan Yuran Asas Universiti (BAYU)

SERAMAI 3,551 anak Selangor daripada keluarga B40 menerima bantuan yuran asas mahasiswa

Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktis Smart Selangor (IKTISASS)

SERAMAI 2,244 mendapat latihan kemahiran dan pembangunan usahawan berorientasi kemahiran

Skim Pinjaman Teknologi Asas Selangor (SEPINTAS)

SERAMAI 608 pelajar B40 memperoleh pinjaman komputer untuk pembelajaran di rumah

WANITA DAN KELUARGA

Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS)

SERAMAI 21,236 ibu bapa menerima bantuan yuran tadika RM50 sebulan bagi anak berumur 5 dan 6 tahun



Iltizam Anak Selangor

SERAMAI 5,899 mendaftar akaun Sijil Simpanan Premium Nasional (SSPN) Prime bagi anak lahir mulai 2022. Diberi RM100 setahun untuk tempoh lima tahun

Iltizam Anak Istimewa Selangor (ANIS)

SERAMAI 4,284 orang mendapat inisiatif anak istimewa

Skim Bantuan Asuhan Anakku Pintar (Asuh Pintar)

SEBANYAK 3,263 keluarga B40 menerima bantuan yuran taska bulanan RM100 bagi anak usia 4 tahun ke bawah

Iltizam Penjagaan dan Pendidikan Kanak-kanak (IMPAK)

SERAMAI 352 wanita mendapat kursus mengasuh kanak-kanak di rumah

PERUMAHAN



Insurans pangsapuri kos rendah

SERAMAI 39,367 menerima polisi perlindungan bencana alam, kerosakan bangunan untuk pangsapuri kos rendah

Skim Rumah Selangorku

SERAMAI 26,078 miliki kediaman mampu milik melalui skim ini

Skim Smart Sewa

SERAMAI 782 peserta skim memperoleh rumah sewa pada kadar berpatutan berbanding harga sewa pasaran

Skim Selangorku to ownership (S2-own)

SERAMAI 249 pemilik rumah setinggan mendapat Rumah Selangorku Jenis A dalam skim ini

Skim Ceria

PENDUDUK di 48 pangsapuri kos rendah dan sederhana dapat memperbaiki kerosakan

Program bina baru dan baik pulih rumah kerajaan prihatin

SERAMAI 38 golongan B40 mendapat inisiatif membina dan membaik pulih rumah

Skim 2STAY

PROGRAM sewa milik bagi golongan B40 yang gagal dapat pembiayaan, kurang berkemampuan atau belum mempunyai kediaman



KESIHATAN

Skim Insurans Hayat Selangor (INSAN)

SERAMAI 5.24 juta rakyat Selangor berumur antara 30 hari hingga 80 tahun dilindungi insurans kemalangan diri berkumpulan percuma

Iltizam Selangor Sihat

SERAMAI 1,065,625 orang menerima perkhidmatan rawatan asas dan manfaat insurans

Selangor Mental Sihat (SEHAT)

SARINGAN awal, talian SEHAT, subsidi rawatan psikiatri, pembangunan modul serta latihan kaunselor memberi manfaat kepada 529,832 orang

Program Saringan Kesihatan Percuma (Selangor Saring)

PROGRAM saringan kesihatan (tekanan darah, air kencing, kandungan gula) percuma memanfaatkan 28,691 orang

Bantuan Sihat Selangor

BANTUAN rawatan dialisis, alatan perubatan, katarak mata, pembedahan kecil, kaki palsu dan lain-lain memanfaatkan 11,081 orang

Pemeriksaan kesihatan mata

SERAMAI 10,464 rakyat mendapat pemeriksaan mata percuma

Ujian Saringan Selangor Kanser (SELCan)

SERAMAI 9,014 orang menjalani saringan kanser (mammogram, prostat, kolorektal dan pangkal rahim) percuma

Program Anak Selangor Anak Sihat

SERAMAI 1,825 kanak-kanak umur 5 tahun dan ke bawah yang kurang zat makanan mendapat bantuan nutrisi

Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)

SERAMAI 1,651 wanita berumur 50 tahun ke atas menjalani pemeriksaan mammogram, biopsi dan ultrasound percuma

Rawatan tuberculosis

SERAMAI 2,762 pesakit tuberculosis memperoleh bantuan kewangan untuk rawatan

Skim rawatan jantung

SERAMAI 1,777 pesakit jantung mendapat bantuan kos rawatan

USAHAWAN

Skim Hijrah Mikro Kredit

SERAMAI 36,623 usahawan memperoleh pinjaman mikrokredit daripada RM5,000 hingga RM100,000



Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan Negeri

SERAMAI 2,061 menerima orang bantuan mesin dan peralatan bernilai sehingga RM10,000.00

Dana Usahawan Mikro Selangor

SERAMAI 709 usahawan pendapatan RM300,000 ke bawah mendapat bantuan peralatan bernilai sehingga RM30,000


Program Bantuan Peralatan Usahawan India Selangor (I-SEED)

SERAMAI 552 usahawan kecil India memperoleh bantuan peralatan bernilai sehingga RM10,000

Harung gelora Covid-19

Kes Covid-19 di Selangor dan Malaysia

1 Julai - 1 November 2021 (purata bergerak tujuh hari)



Oleh NAZLI IBRAHIM

Di sebalik kegalauan penularan Covid-19, Selangor terkehadapan menjaga keselamatan dan memastikan rakyat bertahan mengharung cabaran ekonomi.

Langkah awalnya ialah membentuk Selangor Task Force Covid-19 (STFC) dan mengumumkan Pakej Selangor Prihatin (Prihatin), dua hari selepas perintah kawalan pergerakan (PKP) pertama.

Berikut antara inisiatif Kerajaan Negeri ketika wabak. Perincian usaha menggempur pandemik boleh didapati dalam Laporan Pencapaian & Prestasi Kerajaan Negeri Selangor 2018-2023 pada laman sesawang amirudinshari.com.

SELANGOR TASK FORCE COVID-19 (STFC)

Antara idea STFC dijadikan inisiatif ialah

- Memperkenalkan aplikasi SELangkah merekod data taburan pesakit dan peta risiko wabak
- Menggerak saringan bersasar kepada golongan dan kawasan berisiko tinggi.
- Memperkenalkan panduan membabitkan majikan untuk mencegah penularan dalam kalangan pekerja
- Menubuh Sukarelawan Kesihatan Komuniti Selangor (Suka) sebagai pasukan pendidik berkaitan pengurusan Covid-19
- Melaksana program Vaksin Selangor (Selvax) bertujuan mencapai imuniti kelompok.

PAKEJ KITA SELANGOR

Pakej memperuntuk RM73.877 juta dan melibatkan 12 inisiatif. Antaranya

- Mansuh RM7.177 juta pinjaman pelajaran Yayasan Selangor
- Peruntukan RM6.7 juta untuk program mesra rakyat
- RM6 juta untuk program saringan bersasar
- RM3 juta bantuan makanan petugas barisan hadapan
- Bantuan RM2 juta untuk petani
- Pengecualian dan penangguhan bayaran sewa projek perumahan rakyat dan 'council homes' bernilai RM1.7 juta
- RM1.3 juta pemberian bakul makanan
- RM1 juta untuk inisiatif peduli anak barisan hadapan
- RM1 juta untuk Skim Smart Sewa
- Pengangkutan pesakit Covid-19 risiko rendah
- Kit SELangkah untuk pengawasan sendiri di rumah
- Program Tuisyen Rakyat untuk pembelajaran di rumah

PAKEJ KITA SELANGOR 2.0

Pakej memperuntuk RM551.56 juta melibatkan 26 inisiatif dan dilaksanakan mengikut tiga strategi iaitu

Strategi 1

- Program bakul makanan bernilai RM3.28 juta,
- RM1.5 juta bantuan mangsa Covid-19 meninggal dunia
- Bantuan khas RM500 untuk orang kurang upaya
- Moratorium usahawan Hijrah Selangor selama satu setengah bulan dengan impak kewangan RM11.35 juta
- Talian khusus untuk aduan keganasan rumah tangga

- Penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran bagi graduan 2021
- Dana RM500,000 melaksana Program Tuisyen Rakyat
- RM500,000 untuk kendali portal eptrs.my
- Penangguhan bayaran sewa PPR dan smart sewa
- Bantuan RM1.9 juta untuk pengusaha dan guru pendidikan awal
- Penangguhan bayaran pinjaman pelajaran biasiswa Yayasan Selangor
- Bantuan RM1.5 juta untuk mahasiswa Selangor
- Bantuan RM2.55 juta untuk sektor pelancongan negeri
- Bantuan internet RM17.5 juta
- Perkenal Skim Internet Selangor kategori M40

Strategi 2

- Tambahan RM200 juta untuk Selangor Advance
- RM10 juta untuk jaminan bekalan makanan
- RM1.5 juta untuk program Agro Prihatin
- RM1.93 juta untuk meningkatkan hasil tani
- RM80 juta untuk pinjaman Hijrah
- Melaksana PLATS Selangor

Strategi 3

- RM10.7 juta melaksana ujian saringan Covid-19 komuniti fasa tiga
- RM1.25 juta untuk pemberian alat penilaian Covid-19 di rumah
- Rebat RM1 juta pengangkutan ke tempat mengambil vaksin
- RM500,000 untuk kawalan kesihatan tempat kerja

Ketua pengarang:
Fazallah Pit
fazallah@mediaselangor.com

Pemangku pengarang berita:
Afeeqa Abdul Rasol
afeeqa@mediaselangor.com

Penolong pengarang akhbar:
Afix Redzuan
Faridzwan Abdul Ghafar

Jurufoto kanan:
Ahmad Zakki Jalan
Hafiz Othman

Ketua artis grafik:
Azwa Malek

Editorial: info@mediaselangor.com

Iklan: sales@mediaselangor.com

Pemasaran: marketing@mediaselangor.com

SelangorTV:
Marniza Othman
marniza@mediaselangor.com
Ameen Azizul
ameen@mediaselangor.com

Pemasaran dan Pengiklanan:
Suziana Zulkifli
suziana@mediaselangor.com

Pengedaran:
Adzhar Maludin
adzhar@mediaselangor.com



MediaSelangor

Media Selangor Sdn Bhd,
Aras 11 Menara Bank Rakyat,
No 1 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor

Tel: 03-5523 4856 Fax: 03-5523 6856



KHUSYUK... Ribuan orang menghayati program KL Munajat yang dipimpin penceramah terkenal negara jiran Ustaz Abdul Somad dan pendakwah tempatan Sheikh Aleey Abdul Qadir At-Tohiri di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 15 Julai. Foto Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Tinjauan terhadap orang Melayu

69 peratus puas hati prestasi Anwar

Oleh **NAEEM RAFFI**

SHAH ALAM - Sebanyak 69 peratus orang Melayu di Selangor berpuas hati dengan prestasi kepemimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tinjauan yang dibuat antara 12 hingga 18 Jun juga mendapati 68 peratus responden berpuas hati dengan pentadbiran Kerajaan Perpaduan sejak ditubuhkan hujung November lalu.

Kira-kira 69 peratus pengundi Melayu di negeri ini mendukung ker-

jasama Pakatan Harapan (HARAPAN) dan Barisan Nasional (BN) ketika tiada gabungan parti dapat membentuk kerajaan selepas pilihan raya umum lalu.

Anwar juga menjadi pilihan paling popular untuk meneraju negara sebagai perdana menteri dengan 50 peratus sokongan berbanding hanya 16 peratus lagi untuk Tan Sri Muhyiddin Yassin dan hanya 4 peratus bagi Tan Sri Abdul Hadi Awang.

Dijalankan firma penyelidikan Endeavour-MGC, tinjauan itu turut menilai sikap pengundi Melayu terhadap Kerajaan Selangor menjelang pilihan

raya negeri yang bermula 29 Julai ini.

Sebanyak 71 peratus orang Melayu di Selangor berpuas hati dengan prestasi keseluruhan barisan pemimpin HARAPAN yang diketuai Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Kira-kira 68 peratus responden berpuas hati dengan pentadbiran Kerajaan Negeri bawah gabungan tersebut sejak 2018.

Amirudin juga mendapat sokongan majoriti responden untuk memimpin semula Selangor sebagai Dato' Menteri Besar selepas pilihan raya negeri pada 12 Ogos ini.

Pakar jelaskan punca ringgit jatuh

SHAH ALAM - Perbuatan rakyat Malaysia yang menyorokkan wang tunai di luar negara dan pedagang mata wang yang "sangat berkuasa" antara punca kejatuhan nilai ringgit baru-baru ini.

Pakar ekonomi terkenal Profesor Jomo KS menjelaskan tindakan sedemikian bertujuan memberi tekanan ke atas Bank Negara Malaysia (BNM) agar menaikkan kadar dasar semalaman (OPR).

"Nilai ringgit yang lemah bukan akibat asas ekonomi negara (yang lemah)

la disebabkan spekulasi (nilai mata wang)," katanya, yang juga penasihat Institut Penyelidikan Khazanah, kepada The Star pada 14 Julai.

"Apabila kadar (faedah dan OPR) tidak naik, mereka rugi. Saya fikir hakikat BNM enggan menaikkan kaedah faedah (pada Januari, Mac dan Mei) menunjukkan bank itu sekarang ini lebih berani, bukan sekadar ikut arah jangkaan aliran pasaran."

Dalam wawancara dengan akhbar itu, Jomo juga berkata "(BNM) juga tidak

bersedia untuk membenarkan spekulator tertentu mengikut selera mereka sahaja."

Beliau menjelaskan nisbah hutang isi rumah berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2022 meningkat kepada 81.2 peratus, kira-kira 60 peratus daripadanya pinjaman perumahan.

Pada tahun 2000, nisbah hutang isi rumah berbanding KDNK masih rendah, hanya 47 peratus. Kenaikan OPR, tambahnya, akan membebaskan peminjam ini.

Guna MyKad beli barangan

SHAH ALAM - Penerima Sumbangan Asas Rahmah (SARa) boleh membeli barangan keperluan asas dengan hanya menunjukkan kad pengenalan di 600 pasar raya dan kedai runcit terpilih.

"Jika ada baki sumbangan dari bulan pertama, baki boleh carry forward (bawa ke depan) untuk guna pada bulan yang berikutnya," kata timbalan menteri kewangan seperti dilapor Bernama.

Datuk Seri Ahmad Maslan menjelaskan premis terlibat dalam program itu ialah rangkaian Mydin Mohamed Holdings Bhd (Mydin), 99 Speedmart, Econsave, Lotus's Malaysia dan Giant Hypermarket.

Mulai 17 Julai, lebih 210,000 penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) kategori miskin tegar menerima SARa RM600 dalam bentuk tanpa tunai sebanyak RM100 setiap bulan sehingga Disember.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata pemberian berdasarkan data e-kasih antara usaha bagi meringankan beban rakyat sebelum pembentangan Belanjawan Madani 2024.

1.1 juta nikmati Jualan Rahmah

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berbelanja RM30 juta untuk program Jualan Rahmah yang memberi manfaat kepada 1.1 juta penduduk setakat Jun.

Timbalan Menteri Fuziah Salleh berkata pembeli bukan hanya menikmati harga subsidi, malah mendapat potongan harga barangan yang jauh lebih murah menerusi program itu, lapor Bernama.

"Misalnya, harga telur gred A dijual RM13 sepapan berbanding harga pasaran RM18, manakala seekor ayam dijual dengan harga RM6.80 sekilogram berbanding RM9.40 sekilogram," katanya pada 14 Julai.

Teliti tingkat gaji penjawat awam

SHAH ALAM - Skim gaji penjawat awam akan dinaikkan secara berperingkat berdasarkan keupayaan ekonomi negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya, cadangan itu akan dibawa dalam mesyuarat bersama Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Datuk Dr Zulkapli Mohamad sebelum 12 Ogos, lapor Bernama.

"Kadar upah dan elaun penjawat awam masih rendah, saya akui setelah lebih 10 tahun belum ada jawatankuasa dipengerusikan perdana menteri (terdahulu) untuk kaji (skim itu).

"(Kita teliti) keupayaan kewangan dan macam mana kita boleh perbaiki dan tingkatkan (skim gaji penjawat awam)," katanya pada 13 Julai.



RM2.79 juta bantu tingkat kemudahan

HULU SELANGOR - Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) memperuntuk RM2.79 juta bagi menjayakan 14 projek menaik taraf kemudahan awam kampung baru di Hulu Selangor.

Menterinya Nga Kor Ming berkata dana tambahan daripada RM4.81 juta itu diberi kepada Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) untuk mengindahkan kawasan tersebut demi keselesaan penduduk setempat.

"Peruntukan termasuk membaik pulih dan mengindahkan kawasan terbabit. Ini adalah sentuhan kasih yang akan menjana ekonomi setempat dan bawa kemakmuran kepada penduduk," katanya pada 13 Julai.

Rumah Madani ganti kediaman usang

HULU SELANGOR - Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) membina 22 unit Rumah Madani Rakyat menerusi dana RM1.54 juta bagi meningkatkan mutu kehidupan keluarga di luar bandar.

Menterinya Nga Kor Ming berkata kediaman bernilai RM70,000 seunit seluas 660 kaki persegi mencakupi tiga bilik tidur dan dua bilik air diberi kepada penduduk yang premisnya usang.

"Kita akan bina 22 unit Rumah Madani Rakyat di Selangor, Johor, Negeri Sembilan, Pahang dan Perak," katanya dalam program Sentuhan Kasih Kementerian KPKT ke Selangor pada 13 Julai.

Diiringi EXCO Kerajaan Tempatan Ng Sze Han dan penyandang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Bharu Lee Kee Hiong, beliau berkata rumah itu dibina Syarikat Perumahan Negara Berhad.

Kor Ming menjelaskan bantuan tersebut penting berikutan ada penerima yang mewarisi rumah yang didiami sejak tiga generasi dan dibina hampir 90 tahun lalu iaitu sebelum negara merdeka.

"Jadi, kita bawa berita baik mereka akan dapat rumah baru yang akan siap dalam 90 hari," katanya sambil menambah kementerian berusaha meningkatkan kesejahteraan penduduk.

Tambah elaun penguat kuasa

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan beberapa inisiatif baharu melibatkan peruntukan RM100 juta bagi memastikan kelengkapan agensi penguatkuasaan mencukupi.


Beliau berkata ia meliputi penambahbaikan elaun seragam kumpulan pengurusan dan profesional selain kajian menambah baik laluan kerjaya pegawai dan anggota penguat kuasa, lapor Bernama.

"Jumlah elaun ini kadang diberikan tidak setimpal dan ada yang kena tampung wang sendiri," katanya yang juga menteri kewangan dalam program bersama agensi penguatkuasaan pada 13 Julai.

Anwar menjelaskan inisiatif melibatkan enam agensi termasuk polis, tentera dan Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah Malaysia (SPRM) membawa kesan kewangan RM5,502,780 setahun.

Selain itu, Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.



Beliau mengarahkan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Datuk Johan Mahmood Merican menyegerakan penyalaran peruntukan itu kepada agensi penguatkuasaan selewat-lewatnya akhir minggu depan.

Selain itu, peruntukan tambahan RM150 juta diluluskan bagi menjalankan kerja penyelenggaraan dan menaik taraf kemudahan prasarana pasukan keselamatan negara.

Anwar menjelaskan penambahan dana tersebut sekali gus menjadikan keseluruhan peruntukan atas tujuan

sama berjumlah RM350 juta.

Katanya, RM45 juta untuk menaik taraf dan perolehan peralatan 117 pos kawalan Pasukan Gerakan Am (PGA) dan RM40 juta bagi kemudahan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCom).

"Untuk kuarters Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang ada lantai pecah, tandas (bermasalah), saya luluskan peruntukan RM50 juta (untuk penyelenggaraan kuarters PDRM dan balai).

"Saya juga luluskan RM15 juta untuk Jabatan Penjara (baik kuarters dan kemudahan lain)," katanya dalam program bersama Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam PDRM di Kulim pada 15 Julai.

Dalam Belanjawan 2023, peruntukan RM200 juta disediakan bagi menyelenggara kemudahan kuarters beberapa agensi bawah Kementerian Dalam Negeri termasuk PDRM dan Jabatan Penjara.

Lebih tinggi berbanding kerajaan terdahulu

RM5 juta untuk sekolah agama

SHAH ALAM - Peruntukan RM4.61 juta disediakan kepada Bantuan Sekolah Agama Rakyat (BSAR) Pulau Pinang pada tahun ini bagi memperkukuh institusi pendidikan agama di negeri itu.

Perdana menteri menjelaskan ia meliputi Kelas Asas Fardhu Ain (RM1.37 juta), Sekolah Rendah Agama Rakyat (RM541,740) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (RM394,750).

Datuk Seri Anwar Ibrahim menambah sekolah tahfiz pula RM191,740, Sekolah Agama Bantuan Kera-

jaan (RM184,700), sekolah pondok (RM160,000) dan tadika Islam (RM63,830), lapor Bernama.

Beliau yang juga menteri kewangan berkata Kerajaan Pulau Pinang turut meluluskan RM500,000 bagi Kafa Menengah (Yayasan Islam Pulau Pinang) dan RM1.2 juta bagi Zakat Pulau Pinang.

Berucap demikian dalam pelancaran Pembangunan Masjid Lama Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan pada 16 Julai, beliau berharap rakyat tidak ter-

pedaya dengan fitnah pembangkang.

Katanya, peruntukan Kerajaan Perpaduan untuk kepentingan Islam dan orang Melayu lebih tinggi berbanding pentadbiran Perikatan Nasional yang memerintah negara kira-kira tiga tahun lepas.

"Saya berterima kasih kepada kawan-kawan saya, baik dalam Parti Keadilan Rakyat, Amanah ataupun DAP, tidak pernah timbul isu peruntukan (terhadap Islam dan Melayu)," katanya.

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL

SERTAI LEBIH 1 JUTA KOMUNITI DIGITAL MEDIA SELANGOR

MediaSelangor

Selangor Journal

Selangor TV

Selangor TV

Media_Selangor

mediaselangor

t.me/MediaSelangor

@Selangortv

Media Selangor Sdn Bhd

Layari portal berita selangorkini.my hari ini untuk kemaskini berita khusus untuk warga Selangor



SIHAT... Seramai 2,500 peserta menyertai Larian Malam Ampang Jaya 2023 sejauh 12 kilometer di Jalan Pandan Utama, Ampang Jaya pada 15 Julai. Foto FIKRI YUSOF

Lanjut kebenaran ubah suai bangunan

AMPANG JAYA - Program pemutihan bagi menangani masalah pembinaan tambahan dan ubah suai bangunan tanpa kebenaran yang berakhir 30 Jun dilanjutkan hingga 31 Disember tahun depan.

Pengarah Jabatan Bangunan dan Seni-bina Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Ahmad Alhairi Mohamed Yusuf berkata lanjutan itu memberi peluang lebih ramai pemilik rumah menyertai program tersebut.

"Ini sekali gus menyelesaikan isu pembinaan dan pengubahsuaian yang tidak mematuhi garis panduan," katanya selepas merasmikan Program Arcreate @ MPAJ Festival Arkitek Kuala Lumpur (KLAFF) 2023 pada 13 Julai.

Menjelaskan lebih 150 permohonan Program Pemutihan Kelulusan Pelan Bangunan Rumah Kediaman antara 1 Julai 2021 hingga 30 Jun 2023, beliau berkata program itu memberi banyak manfaat.

"Antaranya semua pembinaan mendapat kelulusan MPAJ dan sijil siap dan pematuhan serta memudahkan proses jual beli, cagaran bank, tuntutan insurans dan sebagainya," katanya.

Produk tembusi pasaran dunia

Jualan naik 75 peratus

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

SHAH ALAM - Usahawan yang mendapat bimbingan Unit Pembangunan Usahawan (BPU) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) berupaya meningkatkan hasil jualan hingga 75 peratus.

Pengasas Qidot Kafe Jehan Ja'afar berkata keputusan untuk menyertai latihan keusahawanan pada 2019 mengubah perniagaannya sekali gus mengembangkan produk hingga ke peringkat antarabangsa.

"Saya usahawan PKNS sejak 2019. Bimbing saya dari kosong hingga berilmu dalam perniagaan makanan, dibimbing untuk kuatkan asas perniagaan, modul latihan merangkumi teknik pemasaran.

"Hasilnya jualan meningkat dari RM50,000 ketika mula berniaga pada 2016 kini cecah RM200,000. Produk minuman pula dapat permintaan Hong Kong dan Indonesia hasil bimbingan PKNS," katanya.

Beliau antara peserta program Biz-match Mega 2.0 Himpunan Usahawan Selangor yang dilancarkan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari di sini

pada 13 Julai.

Pencapaian sama turut dikecapi Ketua Pegawai Eksekutif iChantique Norlaili Abdul Rauf yang mampu memasarkan produk kecantikannya ke pasaran antarabangsa.

"Sejak mula memasuki BizClub PKNS, saya dapat lebih banyak peluang untuk luaskan produk ke pasaran antarabangsa hingga ke Indonesia yang membuka potensi untuk perniagaan saya.

"Perubahan dari segi jualan dalam tempoh enam bulan mencecah 55 peratus jualan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan PT World Mark Indonesia Saiful Azran berkata inisiatif program usahawan PKNS membuka peluang untuk menerokai pasaran antarabangsa hingga meningkatkan pendapatan serta kekal berdaya saing.

"Inisiatif Kerajaan Negeri dan PKNS telah membawa usahawan untuk kekal relevan dalam perniagaan dengan melihat keadaan ekonomi semasa.

"Ia merencanakan semula perniagaan sekali gus memberi nafas baharu kepada usahawan dalam menjana semula pendapatan selepas pandemik Covid-19," katanya.



PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR KENYATAAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa daripada petender-petender yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan UPEN serta berpengalaman dalam kerja - kerja berkaitan seperti berikut :-

No. Tender	Tajuk Projek	Kelayakan Petender	Tarikh & Tempat Dokumen Mula Dijual	Harga Dokumen
TENDER/PTGS/01/2023	CADANGAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TONER PENCETAK BAGI KEPERLUAN SISTEM e-TANAH UNTUK PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 020601 yang masih sah dan berkuatkuasa Dan Berdaftar dengan Sistem Tender Online Selangor 2.0 (Sijil UPEN) yang masih sah dan berkuatkuasa Dan Surat Pengesahan Prinsipal daripada Hewlett-Packard (M) Sdn.Bhd	20 JULAI 2023 (KHAMIS) Dokumen Meja Tawaran akan mula dipamerkan dan Dokumen Tender akan dijual dengan cara dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0	RM50.00 Pembayaran melalui Sistem Tender Online Selangor 2.0 Sahaja

1. Dokumen Meja Tawaran akan mula dipamerkan mulai 20 Julai 2023 (Khamis) pada waktu pejabat dengan cara dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0.
2. Dokumen tawaran ini hanya akan dikeluarkan kepada petender / wakil yang sah sahaja dan Dokumen Tender TIDAK akan dijual selepas tempoh ini. Dokumen Tender akan dijual dari 20 Julai 2023 (Khamis) hingga 02 Ogos 2023 (Rabu) sebelum 12.00 tengahari dengan cara dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0.
3. Tawaran Teknikal dan Tawaran Kewangan hendaklah disediakan dalam sampul yang berasingan dan berlakri. Setiap satu sampul hendaklah dilabelkan "Tawaran Teknikal" dan "Tawaran Kewangan" di sebelah kiri atas sampul kemudiannya kedua-dua sampul dimasukkan ke dalam sampul besar dan ditandakan dengan jelas pada bahagian atau sampul atau bungkusan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di Pejabat seperti berikut:

SULIT-TENDER/PTGS/01/2023

Bahagian Khidmat Pengurusan
Tingkat 4, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40576 Shah Alam, SELANGOR

3. Tarikh tutup tender ini adalah pada 2 OGOS 2023 (RABU) jam 12.00 tengah hari.

4. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor tidak semestinya menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh: 17 JULAI 2023

Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor



Sertai program ijazah berkembar

SHAH ALAM - Universiti Islam Selangor (UIS) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan pusat pengajian tinggi dari United Kingdom berkait kerjasama dalam bidang kewangan Islam.

Perjanjian bersama Markfield Institute of Higher Education (MIHE) meliputi program ijazah sarjana berkembar selama enam bulan di Leicestershire, United Kingdom.

UIS dalam kenyataannya menjelaskan kerjasama lain yang dimeterai termasuk penyelidikan, penganjuran bersama seminar akademik, pertukaran pelajar dan program mobiliti.

"MoU ini dimeterai melalui Pusat Penyelidikan Antarabangsa Ekonomi dan Kewangan Islam UIS untuk memperkasa bidang kewangan Islam, sekali gus mengukuh hubungan dua hala," kata kenyataan itu.

MoU berkenaan ditandatangani Rektor UIS Prof Madya Dato' Dr Mohd Farid Ravi Abdullah dan Rektor MIHE Dr Zahid Parvez di Leicestershire, United Kingdom baru-baru ini.

UIS, pusat pengajian tinggi milik Kerajaan Selangor melahirkan 27,365 graduan antara 1998 hingga tahun lalu, dengan pelajar semasa seramai 5,865 orang.

Sebelum ini, UIS menandatangani memorandum perjanjian dengan Universiti Darussalam Gontor, Indonesia berkaitan kerjasama penyelidikan sukuk wakaf.

Beri peluang pelajar aktif e-sukan

SHAH ALAM - Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) disyor menyediakan platform kepada pelajar untuk bergiat aktif dalam pelbagai cabang sukan elektronik (e-sukan).

EXCO Sukan Mohd Khairuddin Othman berkata bidang itu wajar diberi penekanan pada peringkat sekolah bagi melahirkan bakat baharu yang mampu bersaing dalam kejohanan berprestij.

"Saya rasa tiba masanya KPM membuka platform e-sukan kepada pelajar

supaya mereka dapat mewakili sekolah ke kejohanan besar seperti Sukan Malaysia (SUKMA).

"e-Sukan bukan permainan seperti kita kecil-kecil sebaliknya ia sukan peringkat negeri dan tinggi," katanya selepas merasmikan program Kemahiran e-Sukan Robotik XTIV Selangor pada 15 Julai.

Penyandang Dewan Undangan Negeri Paya Jaras itu turut mengakui sukar menangkis tanggapan segelintir ibu bapa bahawa permainan da-

lam talian tidak menjamin masa depan anak.

Beliau berkata ada kalangan peserta Selangor XTIV Virtual anjuran Kerajaan Negeri beberapa tahun lalu menerima jemputan syarikat e-sukan dan diberi bayaran tinggi setiap bulan.

"Cabaran ketika ini bagaimana memberi kefahaman kepada ibu bapa yang e-sukan ini sebenarnya penting sebab ramai beranggapan ia permainan ganas, lalai dan buang masa," katanya.

Pusat kecemerlangan dron Unisel

Tumpuan lokasi uji kaji, latihan

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

KUALA SELANGOR - Pusat Kecemerlangan Dron (CoE) Universiti Selangor (Unisel) Kampus Bestari Jaya di sini menjadi tumpuan beberapa syarikat ternama untuk menjalankan uji kaji dan latihan pesawat tanpa pemandu sejak dua tahun lalu.

Presiden dan naib canselornya berkata pusat yang ditubuhkan dengan kerjasama Selangor Aviation and Technology

Innovations Sdn Bhd (SELATI) menyediakan kemudahan pembangunan dan penyelidikan selain lokasinya yang strategik untuk penerbangan dron.

"Saya kira sudah sampai ke peringkat meyakinkan untuk (CoE) berkembang maju. Difahamkan proses (uji kaji) ber-

jalan memandangkan kita menerima kunjungan pelbagai perunding dari semasa ke semasa.

"Mereka lihat kemudahan disediakan di CoE, malah pasukan dari Korea dan Amerika Syarikat juga melihat kawasan ini sesuai untuk dron kerana agak rendah dan tidak berbukit," kata Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman pada 16 Julai.

Difahamkan, syarikat terlibat Sky Futures menjalankan uji kaji selama dua bulan manakala Alaf Technology (sembilan bulan) dan Solution Consulting Services (enam bulan).

Dalam pada itu, beliau memaklumkan pusat terbabit akan dilancar dalam tempoh terdekat manakala kerjasama dengan syarikat lain termasuk fakulti masih dalam perbincangan.

Pada 25 November 2021, Unisel memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan SELATI bagi membangunkan CoE mengambil kira institusi itu memiliki kemudahan dan persekitaran strategik dalam memacu industri berkenaan.

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata CoE dibangunkan bagi menyokong ekosistem industri dron di negara ini.

SELATI diberi mandat membangunkan pusat berkenaan merangkumi ujian dron, latihan, pembangunan, penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) serta permainan dron.

RM459,154 bantu warga emas, anak yatim

SHAH ALAM - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) membelanja RM459,154 untuk pelbagai program kebajikan sepanjang tahun lalu, kata pemangku ketua pegawai eksekutifnya.


Menjelaskan program itu bermula sejak pandemik Covid-19, Ir Abas Abdullah berkata peruntukan tanggungjawab sosial korporat (CSR) meningkat berbanding 2021 iaitu RM321,710.

"Pada tahun lalu, antara inisiatif ialah kotak makanan, pembelajaran dalam talian untuk golongan berpendapatan rendah (B40), lawatan ke rumah anak-anak yatim dan orang tua.

"Malah, semasa sesi lawatan ke rumah anak-anak yatim dan orang tua juga kita melakukan penggantian paip secara percuma," katanya baru-baru ini.

Ir Abas memaklumkan pihaknya turut bercadang menawarkan aplikasi pembelajaran dalam talian secara percuma kepada lebih 100 calon Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun ini.

"Pemberian akses percuma bawah program CSR Sesama Mara dan memfokuskan golongan B40. Untuk permulaan, kita agih kepada anak kakitangan Air Selangor yang bakal menduduki SPM," katanya.



SMART SELANGOR DELIVERY UNIT

SSDU Innovations Sdn Bhd (1272131-K)
Milikan penuh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI)

SSDU Innovations Sdn Bhd ("SSDU") adalah sebuah anak syarikat milikan penuh Kerajaan Negeri Selangor yang dimandatkan sebagai badan induk pelaksana program Smart Selangor.

REQUEST FOR PROPOSAL

PROJEK INTEGRASI DAN PENGUPAYAAN ANALITIK CCTV KE SMART SELANGOR OPERATIONS CENTRE ("SSOC")

Kami mempelawa syarikat yang berkelayakan untuk menghantar cadangan sebagai pembekal untuk Projek Integrasi Dan Pengupayaan Analitik CCTV ke Smart Selangor Operations Centre ("SSOC") untuk menyokong Pembangunan Ekosistem Infrastruktur Pintar di Selangor.

Pelawaan ini terbuka kepada pembekal yang menepati kriteria berikut:

- Modal saham berbayar minimum sekurang-kurangnya RM500,000.00;
- Minimum (3) tahun pengalaman menyediakan integrasi CCTV dan perkhidmatan analitik di Malaysia dan/atau ASEAN;
- Syarikat berstatus Sdn Bhd atau Berhad dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia ("SSM");
- Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia ("MoF"); dan
- Minimum lima (5) kakitangan teknikal yang akan ditugaskan serentak untuk pelaksanaan dan sokongan projek.

Pembekal dikehendaki menyatakan minat mereka melalui e-mel di procurement@ssdu.com.my dan untuk membeli Dokumen RFP Digital (yuran RM500.00), mulai hari Selasa, 18hb Julai 2023 hingga hari Selasa, 25hb Julai 2023 (12:00 tengah hari). Sesi Taklimat Tender bagi pembeli Dokumen RFP Digital akan diadakan pada hari Rabu, 26hb Julai 2023 dan kehadiran adalah diwajibkan. Butiran mengenai pembayaran dan Sesi Taklimat Tender akan dihantar melalui e-mel selepas pengesahan penyertaan pembekal.

Tempoh pertanyaan tender adalah dari **26hb Julai 2023 hingga 1hb Ogos 2023 (selewat-lewatnya pada jam 12:00 tengah hari)** dan penyerahan dokumen lengkap adalah pada hari **Rabu, 2hb Ogos 2023 (selewat-lewatnya pada jam 12:00 tengah hari)**. Semua penyerahan dan pertanyaan melalui procurement@ssdu.com.my sahaja. Penyerahan secara fizikal tidak akan diterima. Pertanyaan melalui kaedah atau saluran selain daripada alamat e-mel yang telah dinyatakan tidak akan dilayan.



Mohd Khairuddin (tengah) merasmikan kejohanan Kemahiran e-Sukan Robotik Selangor XTIV di parkir pasar raya Econsave Paya Jaras, Petaling Jaya pada 15 Julai. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM

Regu negara dinobat olahragawan

SHAH ALAM - Beregu negara Aaron Chia-Soh Wooi Yik dinobat sebagai Olahragawan Kebangsaan 2022 dalam majlis Anugerah Sukan Negara 2022 pada 17 Julai.

Pemilihan regu keempat dunia dibuat berdasarkan pencapaian gemilang menjadi wakil pertama Malaysia menjuarai Kejohanan Badminton Dunia di Tokyo, Jepun pada Ogos tahun lalu.

Aaron-Wooi Yik yang tidak dapat hadir kerana menyertai Terbuka Korea bermula 18 Julai mengagap gelaran itu menyuntik semangat mereka untuk terus mengharumkan nama Malaysia di pentas antarabangsa.

"Kejayaan ini akan membuatkan kami untuk terus bekerja keras dan berusaha untuk terus mengharumkan nama Malaysia di pentas antarabangsa. Kami juga mahu buktikan yang kami boleh hasilkan lebih banyak kejayaan kepada negara," kata Aaron seperti dilapor Berita Harian.

Sementara itu, atlet gimrama Ng Joe Ee dinobatkan sebagai Olahragawati Kebangsaan. Olahragawan Paralimpik dimenangi Cheah Liek Hou (badminton) manakala Olahragawati disandang pere-nang Carmen Lim.

Baiki, bina kemudahan baharu

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor berbelanja separuh daripada RM2.24 juta peruntukan baik pulih kemudahan sukan pada tahun ini.

EXCO sukan berkata naik taraf termasuk pembinaan baharu membabitkan padang bola sepak, gelanggang futsal, bola tampar, sepak takraw dan badminton seluruh negeri mengikut keperluan setempat.

Mohd Khairuddin Othman menjelaskan perbelanjaan paling besar dikeluarkan bagi membaik pulih padang bola sepak dengan kos mencecah RM200,000 berbanding kemudahan lain.

"Kerja baik pulih kemudahan sukan bergantung kepada permohonan dan peruntukan yang diluluskan juga melihat keadaan infrastruktur itu sendiri.

"Kalau kos (baiki) gelanggang bola tampar, badminton dan sepak takraw itu tidaklah sebesar padang bola sepak atau futsal," katanya dalam program Kemahiran e-Sukan Robotik XTIV Selangor pada 15 Julai.

Penyandang kerusi Dewan Undangan Negeri

Dua pasukan buru tempat akhir

SHAH ALAM - Selangor MAC dan Selangor TOT United memburu tempat ke akhir Liga Futsal Perdana Kebangsaan (MPFL) selepas cemerlang mengatasi lawan masing-masing di suku akhir kedua pada 15 Julai.

Pahang Rangers FC menanti kunjungan Selangor MAC pada 23 Julai selepas masing-masing menang besar agregat 9-2 mengecewakan Shah Alam City dan Terengganu.

Selangor TOT United menewaskan Pulau Pinang 4-2 selepas dua pusingan bertemu Johor Darul Ta'zim yang mengatasi Sabah dengan agregat 21-0

Paya Jaras turut memaklumkan lebih 200 gelanggang seluruh negeri dibaiki dan dibina semula dalam tempoh lima tahun.

"Matlamat kita mudah sahaja, kita tidak mahu belia Selangor tiada tempat beriadah dan bersukan yang menjadi kegiatan seharian mereka," katanya lagi.

Belanjawan Negeri 2023 memperuntuk RM2.24 juta bagi meneruskan projek baik pulih dan membina baharu infrastruktur sukan di Selangor.

Usaha itu selaras memartabat aspek pembangunan sukan dan aktiviti sihat sekali gus melahirkan generasi muda yang aktif serta berdaya saing.

Sementara itu, pemerkasaan unit sains sukan diyakini memberi impak positif terhadap prestasi atlet Selangor dalam Sukan Malaysia (SUKMA) ke-21 di Sarawak Ogos 2024.

Mohd Khairuddin berkata unit khas yang diselaras Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor diperkasa sejak tahun lalu dengan mengkaji prestasi selain menilai keperluan semasa atlet.

pada 24 Julai.

Separuh akhir kedua akan berlangsung pada 29 Julai manakala perlawanan akhir dijadual pada 5 dan 12 Ogos.

Sementara itu, pemain Selangor MAC Ali Ebrahimi mengetuai senarai penjaring terbanyak dengan 21 gol selepas meledak hatrik ketika menewaskan Terengganu 5-1 pada separuh akhir kedua.

Tonggak Johor Darul Ta'zim Ekmal Shahrin kedua dengan 16 gol diikuti pemain Shah Alam City Well Pereira (15 gol) dan Azri Rahman (13 gol).



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000015163	PROPOSED PIPE REPLACEMENT PROGRAM - PACKAGE 1B (KUALA LUMPUR)
2.	PN0000015175	PROPOSED RETICULATION UPGRADING WORKS FOR PARIT MAHANG, KUALA SELANGOR (PHASE 2)
3.	PN0000015148	PROPOSED DISTRIBUTION IMPROVEMENT WORKS FOR KLANG AND ACTIVATION OF 1 MG BATU BELAH RESERVOIR
4.	PN0000015142	REHABILITATION AND UPGRADING OF RESIDUAL TREATMENT FACILITY AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT SUNGAI GOMBAK WATER TREATMENT PLANT
5.	PN0000015143	PROPOSED REHABILITATION AND REFURBISHMENT OF UNUSED RESERVOIR AND PUMP HOUSE (PACKAGE 8B) - BANGI LAMA RESERVOIR, HULU LANGAT.
6.	PN0000015099	PROPOSED REHABILITATION AND REFURBISHMENT OF UNUSED RESERVOIR AND PUMP HOUSE (PACKAGE 7B) - TAMAN ARIFF UTAMA, HULU SELANGOR.
7.	PN0000015146	PROPOSED REHABILITATION AND REFURBISHMENT OF UNUSED RESERVOIR AND PUMP HOUSE (PACKAGE 8A) - TAMAN LAMAN RIMBUNAN, GOMBAK
8.	PN0000015083	PROPOSED REHABILITATION AND REFURBISHMENT OF UNUSED RESERVOIR AND PUMP HOUSE (PACKAGE 7C) - TAMAN SRI SG. PELEK, SEPANG

Untuk butiran lanjut mengenai tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> atau menyertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender di atas adalah **diwajibkan** untuk **berdaftar dengan AirSelangor**. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.airselangor.com/vendor> dan ikuti panduan yang dipaparkan di laman tersebut. Pendaftaran adalah **percuma**.



HEE LOY SIAN
Kajang
menyerahkan sumbangan kepada warga emas ketika ziarah kasih prihatin di Taman Mesra, Kajang



BORHAN AMAN SHAH
Tanjung Sepat
melawat mangsa kebakaran di Kampung Hulu Teris, Sepang



EAN YONG HIAN WAH
Seri Kembangan
memberi bungkus makanan kepada penduduk pangsapuri di Subang Jaya



MAZWAN JOHAR
Sungai Ramal
menyampaikan bantuan kepada penduduk di pusat khidmat DUN beliau



DATUK ROSNI SOHAR
Hulu Bernam
menziarahi penduduk di Felda Sungai Tenggi, Hulu Selangor



MICHELLE NG MEI SZE
Subang Jaya
merasmikan aktiviti sukan peringkat sekolah di Subang Jaya



AZMIZAM ZAMAN HURI
Pelabuhan Klang
menyertai program mini Senam Sihat Madani di Taman Awam Gravit 8 Bayu Emas, Klang



SHATIRI MANSOR
Kota Damansara
gotong-royong bersihkan tanah perkuburan Kampung Melayu Subang, Shah Alam



2,500 pesawah terima RM500

SHAH ALAM - Seramai 2,500 pesawah di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Burong yang terjejas berikutan kemerosotan hasil pengeluaran menerima insentif RM500 daripada Kerajaan Negeri.



Penyandang kerusi DUN berkenaan Dato' Mohd Shamsudin Lias berkata sumbangan disalurkan dalam bentuk tunai RM300 dan RM200 bagi input pertanian untuk setiap pesawah.

Memuji keprihatinan pentadbiran negeri, beliau menambah bantuan

tersebut meringankan beban pesawah selain membantu meningkatkan pengeluaran padi pada musim akan datang.

"Terima kasih kepada Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari yang tidak sisihkan DUN ini walaupun sebahagian besar penggal ini merupakan kawasan pembangkang," katanya pada 17 Julai.

Mohd Shamsudin menegaskan kepentingan pentadbiran negeri yang selari dengan kerajaan persekutuan su-

paya pelbagai perancangan untuk rakyat dapat dilaksanakan secara bersepadu.

"Walaupun Dato' Menteri Besar tidak pernah sisihkan penduduk Sungai Burong tetapi sejak berada dalam Kerajaan Perpaduan, segala program rakyat dapat dilaksanakan dengan mudah.

"Yang untungnya rakyat, banyak manfaat jika pemerintah negeri sama dengan pemerintah pusat," katanya.

Pada 9 Jun, Kerajaan Negeri menghulur pemberian wang tunai RM300 dan RM200 untuk input pertanian kepada 9,000 pesawah yang terjejas akibat kekurangan pengeluaran hasil.

Tidak pinggir DUN pembangkang

Adil agih manfaat kebajikan

Oleh **NAJAMUDDIN MOHD NOR**

SHAH ALAM - Program kebajikan bawah Iltizam Selangor Penyayang (ISP) memanfaatkan segenap lapisan rakyat termasuk penduduk luar bandar dan Dewan Undangan Negeri (DUN) pembangkang.

Penyandang DUN Sungai Air Tawar Datuk Rizam Ismail berkata inisiatif itu diagih secara adil kepada penduduk bagi memastikan hasil negeri dinikmati semua tanpa mengira fahaman politik.

"Hampir lima tahun sebagai ketua pembangkang di Selangor, saya berterima kasih kerana Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyediakan pelbagai inisiatif untuk rakyat.

"Penduduk DUN saya juga tidak terlepas daripada menikmati manfaat itu terutama program ISP yang sememangnya bagus untuk warga Selangor," katanya pada 11 Julai.

Rizam turut berterima kasih kepada pentadbiran negeri yang memilih DUN



Sungai Air Tawar sebagai antara lokasi projek rintis pembangunan Pusat Smart Desa yang dirasmikan Mei lalu.

Menurutnya, pusat berkenaan yang dilengkapi internet memberi kemudahan pendidikan selesa kepada penduduk luar bandar, sekali gus mengelakkan mereka daripada keciciran teknologi.

Pusat Smart Desa yang menelan belanja hampir RM200,000 bakal membantu penduduk luar bandar bergerak seiring arus pemodenan ketika ini.

RM1 juta tingkat pelbagai prasarana

SHAH ALAM - Dewan Undangan Negeri (DUN) Seri Setia memanfaatkan dana RM1 juta bawah Projek Selangor Penyayang (PSP) bagi membaik pulih masjid, dewan serba guna sekolah, perpustakaan dan tadika.



Penyandang kerusi Halimey Abu Bakar berkata peruntukan sama turut dibelanjakan bagi melaksanakan kerja turapan jalan di Lembah Subang 1 dan 2 yang memberi keselesaan kepada

ramai pengguna.

Beliau menjelaskan pelbagai kemudahan sukan turut dinaik taraf antaranya gelanggang sepak takraw di Balai Polis Kelana Jaya dan gelanggang futsal Kampung Lindungan.

"Saya juga menyalur peruntukan yang dimohon persatuan penduduk untuk membaiki pusat komuniti membabitkan penggantian bumbung, kabin dan khemah.

"Semua projek ini memberi kele-

gaan kepada penduduk yang mengharap kemudahan selesa," katanya pada 12 Julai.

Belanjawan Selangor memperuntuk RM28 juta bagi mempergiat dan merencanakan ekonomi setempat melalui penyediaan projek kecil bawah PSP.

Keutamaan projek itu melibatkan penyelenggaraan dan menaik taraf prasarana serta pembangunan kemudahan awam kerajaan termasuk yang tidak mempunyai peruntukan penyelenggaraan tahunan.

Belanja RM600,000 pasang 83 lampu LED

SHAH ALAM - Sebanyak RM600,000 dibelanjakan untuk memasang lampu diod pemancar cahaya (LED) di kawasan perindustrian Bandar Country Homes dan sekitarnya pada tahun ini.

Penyandang Dewan Undangan Negeri (DUN) Rawang Chua Wei Kiat berkata projek bawah peruntukan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (Marris) sejak 5 Jun dijangka siap hujung Ogos.

Beliau menambah peruntukan sama turut digunakan untuk menukar kabel dan menaik taraf peti pembekal elektrik yang memanfaatkan sekitar 100,000 penduduk dan pemilik perusahaan di situ.

"Projek ini dapat memberi lebih dampak di kawasan tersebut yang juga pusat komersial di Rawang,"



katanya pada 12 Julai.

Sejak tahun lalu, dana RM5.2 juta dibelanjakan bagi memasang 752 lampu LED di seluruh negeri.

Sejumlah 382 LED bernilai RM2.3 juta siap dipasang tahun lalu manakala 370 lagi membabitkan RM2.9 juta dalam proses pemasangan.

RM350,000 baiki sekolah agama

SHAH ALAM - Dewan Undangan Negeri (DUN) Sentosa memperuntuk kira-kira RM200,000 bagi membaik pulih dan menaik taraf prasarana sekolah di kawasan berkenaan.

Penyandang kerusi Dr G Gunaraj menambah sebanyak 18 sekolah termasuk institusi pendidikan agama dalam DUN tersebut menerima manfaat.

Beliau berkata peruntukan RM150,000 turut disalurkan bagi menganjurkan pelbagai program dan sumbangan berbentuk pendidikan.

"Antara kemudahan sekolah yang diberi wajah baharu termasuk padang, laluan pejalan kaki, bumbung dan dewan.

"Semoga pelajar dan guru dapat memanfaatkan sebaiknya prasarana itu selain mengelak daripada melakukan vandalisme," katanya yang tidak mahu beliau tercicir dalam pelajaran.

RM50,000 baik pulih dewan masyarakat

SHAH ALAM - Dewan masyarakat di Kampung Bestari Jaya siap dinaik taraf dengan kos RM50,000 sekali gus memberi keselesaan penduduk setempat untuk menganjurkan pelbagai kegiatan.

Penyandang Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang berkata kerja baik pulih mulai 22 Mei siap pada 3 Julai menggunakan peruntukan projek Selangor Penyayang.

Rozana Zainal Abidin menjelaskan dana untuk projek baik pulih dewan usang itu diluluskan sebelum DUN dibubar.

"Kerja-kerja tersebut antaranya melibatkan penukaran pagar, baiki lampu berdekatan gelanggang sepak takraw, menukar kipas dan siling baharu," kata beliau pada 11 Julai.

Selesai 10 projek naik taraf

SHAH ALAM - Sebanyak 10 kemudahan awam sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Balakong selesai dinaik taraf menerusi Projek Selangor Penyayang pada tahun ini.

Penyandang kerusi Wong Siew Ki menjelaskan penyelenggaraan prasarana melalui dana RM100,000 dijalankan bersama Majlis Perbandaran Kajang serta Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat.

Kerja itu meliputi pintu gerbang Kampung Baru Balakong, Kampung Baru Batu 11 dan Kampung Sungai Balak termasuk taman permainan di tiga perumahan.

"Ia termasuk baik pulih bumbung pasar Taman Megah selain pemasangan bumbung gelanggang bola keranjang di Kampung Baru Sungai Chua dan gelanggang futsal Kampung Sungai Balak," katanya pada 10 Julai.



'Kita Selangor' bawa mesej satu padu

SHAH ALAM - Slogan 'Kita Selangor' yang digunakan Pakatan Harapan (HARAPAN) negeri dalam kempen pilihan raya negeri (PRN) membawa mesej bersatu padu dalam apa jua keadaan.

Pengerusi HARAPAN Selangor Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan ungkapan itu sebatu dalam kalangan rakyat lantaran ia digunakan meluas dalam pelbagai program sejak pandemik Covid-19.

Beliau yang juga Dato' Menteri Besar menambah slogan berkenaan mungkin ditambah beberapa perkataan atau ayat tertentu untuk disesuaikan dengan suasana kempen PRN.

"Kita Selangor' sarat dengan pengalaman, rekod perkhidmatan dan ia realiti yang diterima secara nyata oleh rakyat ketika ini," katanya dalam temu bual bersama Bernama pada 12 Julai.

Slogan tersebut kerap dilaungkan Amirudin bagi membangkitkan rasa kebersamaan dalam berdepan cabaran antaranya kelemahan ekonomi dan bencana banjir besar.

Peluang kuasai sukan futsal negara

GOMBAK - Selangor mampu berkembang maju dalam futsal berikutan ramai pemain pelapis berbakat, bahkan mereka mampu mencapai tahap profesional jika bakat mereka terus diasah.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata Selangor juga memiliki dua pasukan handal yang sering menguasai liga futsal kebangsaan iaitu Selangor MAC dan Selangor Tot United.

"Selangor Tot United tahun lepas nombor tiga, Selangor MAC nombor satu dan tahun ini pun kedua-dua pasukan tersebut telah masuk separuh akhir.

"Maknanya kita (Selangor) 'top' pasukan futsal, ada peluang besar untuk maju dalam sukan ini," katanya pada 16 Julai.



(dari kiri) Ahli Dewan di-Raja Selangor Tan Sri Dato' Setia Ambrin Buang, Dato' Setia Mohamad Adzib Mohd Isa, Dato' Emran Abdul Kadir, Tan Sri Dato' Setia Mohd Zawawi Salleh dan Dato' Setia Mohammed Khusrin Munawi membuat aduan polis berhubung ucapan Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor yang menghina Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di Balai Polis Seksyen 6, Shah Alam pada 14 Julai. Foto AHMAD ZAKKI JILAN

Pemimpin PAS dituduh menghasut

Didakwa menghina institusi raja

KUALA LUMPUR - Ketua Pengarah Pilihan Raya Perikatan Nasional (PN) Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Selayang di sini pada 18 Julai atas dua tuduhan menghasut.

Beliau didakwa mengeluarkan kata-kata itu ketika mempertikai Sultan Selangor melantik Dato' Menteri Besar dalam ceramah di Taman Selayang Mutiara, Gombak jam 11 malam pada 11 Julai.

Penyandang kerusi Dewan Undangan Negeri Jeneri itu juga dituduh

kerana mengeluarkan kata-kata menghasut berhubung isu penubuhan Kerajaan Perpaduan di tempat dan masa sama, lapor Bernama.

Bagi kedua-dua tuduhan, pemimpin PAS itu didakwa ada kecenderungan menghasut dengan menyebut perkataan yang cenderung membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja.

Sanusi, 48, mengaku tidak bersalah atas kedua-dua pertuduhan yang dibaca depan Hakim Nor Rajiah Mat Zin dan Hakim Osman Affendi Mohd

Shalleh secara berasingan.

Kedua-dua pertuduhan dibuat bawah Seksyen 4(1)(a) Akta Hasutan 1948 yang membawa hukuman denda sehingga RM5,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya, jika disabitkan.

Mahkamah berkenaan menetapkan jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin terhadap Sanusi bagi setiap kes. Kes berkenaan akan disebut semula pada 4 Oktober.

► URUTAN PERISTIWA MUKA 3

Pilihan raya negeri Selangor

PILIHAN ANDA PILIHAN TERBAIK

demi kemajuan ekonomi
demi perpaduan rakyat
demi kesejahteraan bersama

Semakan Daftar Pemilih di
mysprsemak.spr.gov.my

